



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIMEN KETUJUH
Sevent Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

Jilid I **Bil. 24** **Hari Khamis** **16hb Julai 1987**

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

MEMILIH TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Y.B. Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datu
Hakim Abang Haji Mohiddeen (Ruangan 36)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Jalan-jalan Persekutuan
(Pengurusan Persendirian) (Pindaan) (Ruangan 36)

Rang Undang-undang Lembaga Lebuhraya Malaysia
(Perbadanan) (Pindaan) (Ruangan 64)

Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Ruangan 91)

UCAPANPENANGGUHAN:

Pembekalan Makanan - Y.B. Tuan R.M. Jasni (Ruangan 109)

Melaka sebagai Baodaraya Bersejarah
- Y.B. Tuan Ng Peng Hay (Ruangan 120)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 16hb Julai, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

ORANG CACAT ANGGOTA - BANTUAN PELAJARAN TINGGI

1. **Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan berapa ramai orang-orang cacat anggota yang berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat Universiti dengan mendapat bantuan dari Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Menteri Kebajikan Masyarakat [Tuan Mustaffa bin Mohammad]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yangg Berhormat, Kementerian Kebajikan Masyarakat tidak mempunyai sebarang skim bantuan pelajaran tinggi dan oleh yang demikian, tidak ada orang-orang cacat anggota yang berjaya melanjutkan pelajaran di peringkat universiti dengan bantuan Kementerian ini.

BAHAN UTAMA MALAYSIA - DAKWAAN MUTU RENDAH

2. **Puan Habidah binti Jusoh alias Yusof** minta Menteri Perusahaan Utama menatkan kenapa barang-barang komoditi kita seperti minyak kelapa sawit di diskriminasikan sebagai mutu yang rendah di luar negeri. Tidakkah ini permainan peniaga-peniaga negara lain yang benci melihat hasil negara ini meningkat naik. Apakah tindakan-tindakan Kerajaan mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Tuan Alias bin Md. Ali]:

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa bahan-bahan utama keluaran negara kita yang dieksport bermutu rendah seperti yang didakwa oleh setengah-setengah kumpulan orang di luar negeri.

Tuduhan yang sedemikian semata-mata merupakan tohmah-tohmah palsu untuk memperkecil-kecilkan bahan-bahan utama kita bagi kepentingan diri mereka yang terlibat.

Sebenarnya batian-bahan utama kita yang kita eksport keluar negeri khususnya minyak kelapa sawit dan getah adalah diterima sebagai bahan-bahan yang mutu tinggi bahkan lebih tinggi daripada barang-barang yang dikeluarkan oleh negara-negara lain dan sering dijual dengan harga premium di atas harga barangan yang sama yang dikeluarkan oleh negara-negara pengeluar lain kerana mutu yang diiktiraf dan terjamin. Apa yang berlaku pada masa ini ialah suatu percubaan untuk memburukkan imej minyak kelapa sawit dengan memberi gambaran bahawa bahan ini boleh memberi kesan yang tidak baik ke atas kesihatan manusia. Mereka yang bertanggungjawab menjalankan kempen ini memalsukan hakikat sebenarnya mengenai kandungan lemak tepu di dalam minyak kelapa sawit dengan mencuba menyamakan dengan minyak kelapa dan minyak isirong kelapa sawit.

Ketika ini Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (PORLA) dengan sokongan Institute Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) dan sektor swasta sedang menjalankan usaha-usaha untuk mengatasi propaganda palsu yang disebarkan oleh pengeluar sejenis minyak di Amerika Syarikat yang menyaingi minyak kelapa sawit. Di dalam kempen ini langkah-langkah yang berikut sedang dilaksanakan untuk menonjolkan imej tepat dan positif minyak kelapa sawit keluaran negara kita:-

- (1) menambah lagi projek-projek penyelidikan bersama dengan beberapa saintis yang terkemuka di Amerika Syarikat di samping negara-negara lain untuk mengesah dan menegaskan semula ciri-ciri

positif minyak kelapa sawit dari segi kesihatan supaya maklumat yang diperolehi nanti akan dapat terus diterima khususnya di Amerika Syarikat sebagai bukti ciri-ciri positif minyak kelapa sawit;

- (2) mengedarkan hasil-hasil penyelidikan mengenai ciri-ciri minyak kelapa sawit itu kepada umum melalui media massa dan risalah-risalah;
- (3) mengadakan persidangan-persidangan dan seminar-seminar untuk menyebarkan maklumat-maklumat positif mengenai minyak kelapa sawit di peringkat teknikal kepada pihak-pihak berkuasa di dalam bidang kesihatan, persatuan-persatuan pengguna dan peniaga-peniaga minyak sayuran dan lemak; dan
- (4) mengadakan perjumpaan-perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin politik termasuk anggota-anggota Pentadbiran dan Kongres seperti yang dilakukan semasa lawatan Yang Berhormat MenteriPerusahaan Utatna ke Amerika Syarikat pada 25hb Jun - 1hb Julai 1987. Sebuah firma perundingan perhubungan awam yang terkenal yang bertbu pejabat di Washington telah dilantik untuk menasihati, dan menyelaraskan usaha-usaha membanteras kempen anti minyak kelapa sawit ini .

Tuan Hassan Alba bin Haji Sandukong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan iaitu juga berkaitan dengan komoditi. Apakah tidak ada rancangan Kerajaan supaya, koko Malaysia dijual di antarabangsa dengan mutu premium?

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini agak lain sedikit daripada apa yang terdapat di dalam soalan asal. Walau bagaimanapun, saya ingin menjelaskan kepada Yang Berhormat bahawa soal sama ada kita boleh menjual koko dengan mutu premium adalah bergantung kepada mutu koko yang kita keluarkan pada masa ini dan pihak-pihak pengusaha-pengusaha kokp haruslah berusaha lebih giat lagi untuk meningkatkan mutu penguaran koko masing-masing supaya bukan sahaja setanding dengan pengeluaran dunia yang lain, tetapi lebih baik daripada keluaran negara-negara yang lebih maju daripada kita seperti Brazil dan sebagainya.

Puan Ainon binti Ariffin: [Bangun]

Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif: Soalan tambahan.....

Tuan Yang di-Pertua: Puan Ainon Ariffin.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan, selain dari-, pada tindakan-tindakan positif yang begitu teratur dan begitu baik tadi itu, tidakkah Kerajaan kita dengan kerjasama pihak yang telah kita wakili di United States of America untuk mengambil tindakan undang-undang kepada mereka yang berkenaan yang telah memburuk-burukkan, yang telah menimbulkan fitnah dan tohmahan kepada minyak kelapa sawit kita kerana dirasakan barangkali ini lebih mudah, lebih cepat dapat mengatasi berita-berita buruk atau dakyah-dakyah kotor mereka itu?

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan akan mengambil apa juga langkah yang sesuai dan yang terdaya olehnya termasuk mengadakan tindakan undang-undang untuk mengatasi kempen buruk yang dilakukan terhadap minyak kelapa sawit.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, setelah didapati pihak tertentu memburuk-burukkan kebaikan minyak kelapa sawit, apakah kesannya, sama ada pasaran kita merosot atau lebih meningkat lagi?

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa eksport minyak kelapa sawit kita pada masa ini tidak terjejas oleh adanya kempen-kempen buruk yang dibuat oleh pengeluar-pengeluar kacang soya di Amerika itu. Walau bagaimanapun, sebagai langkah jangka panjang Malaysia perlulah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk mencegah kemungkinan timbulnya akibat-akibat buruk termasuk terjejasnya eksport barangan komoditi ini ke negara-negara dunia termasuk Amerika Syarikat sendiri.

Sebagai makluman juga, eksport minyak kelapa sawit ke Amerika Syarikat adalah kecil dari segi nilainya kalau dibanding dengan nilai eksport ke negara-negara lain di dalam dunia ini. Walau bagaimanapun, oleh kerana eksport minyak kelapa sawit merupakan salah satu eksport utama negara kita iaitu yang ketiga besarnya selepas petroleum dan kayu, maka Malaysia tidaklah boleh menganggap ringan sebarang kempen yang memburuk-burukkan barangannya seperti minyak kelapa sawit.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, satu sahaja lagi. Selesai ini habis.

Tuan Mustafa bin Awang: Apakah benar minyak kelapa sawit kita lebih mahal dari minyak kelapa sawit keluaran negara lain di dunia ini?

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, harga minyak kelapa sawit Malaysia mungkin lebih tinggi sedikit kalau dibandingkan dengan harga minyak kelapa sawit yang dikeluarkan oleh negara-negara jiran tetangga kita terutamanya oleh kerana beberapa faktor seperti kos pengeluaran dan sebagainya. Walau bagaimanapun, mutu minyak kelapa sawit yang kita keluarkan adalah lebih tinggi daripada mutu yang dikeluarkan di negara-negara lain dan keadaan ini menyebabkan pembeli-pembeli, pengguna-pengguna masih lagi lebih suka membeli minyak kelapa sawit dari negara kita, walaupun harganya lebih tinggi sedikit, tetapi mutunya jauh lebih baik,

PINJAMAN BANK- MENGURANGKAN FAEDAH

3. Tuan A. Shaik. Dawood Abu Bakar minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada peningkatan ekonomi negara masih di tahap yang lemah dan sekiranya benar, apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasinya. Di samping itu adakah Kerajaan bercadang mengurangkan lagi kadar faedah pinjaman bank-bank dan institusi-institusi kewangan.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, keadaan ekonomi negara pada masa kini masih lagi lemah sekiranya dibandingkan dengan keadaan pada awal tahun 80an. Walau bagaimanapun, kedudukan ekonomi pada tahun 1987 adalah lebih baik daripada kedudukan pada tahun 1986. Kadar pertumbuhan ekonomi negara dijangka mencapai sekurang-kurangnya 1.5% berbanding dengan anggaran 1% yang dibuat di dalam Ucapan Belanjawan 1987. Sudah ada tanda-tanda ekonomi negara bertambah baik. Ini bermakna usaha-usaha dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengukuhkan ekonomi negara kita ini telahpun memberi kesan-kesan positif dan

nyata. Langkah-langkah yang telah diambil telah dimaklumkan di dalam Dewan yang mulia ini semasa Ucapan Belanjawan 1987, Laporan Ekonomi 1986/1987 dan juga jawapan-jawapan kepada soalan-soalan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan mudahtunai pada amnya adalah lega dalam masa enam bulan pertatna tahun 1987 berbanding dengan keadaan dalam tahun 1986. Ini adalah hasil daripada tindakan-tindakan Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia untuk mengurangkan tekanan terhadap mudahtunai. Tindakan-tindakan yang telah diambil ialah:-

- (a) mengurangkan nisbah mudahtunai utaraa bank-bank perdagangan daripada 10% kepada 8% dari jumlah tanggungan yang layak;
- (b) membenarkan institusi-institusi bank mengira secara purata bagi tempoh dua minggu keperluan mudahtunai mereka berdasarkan harta mudahtunai yang layak dalam tanggungan; dan
- (c) menurunkan kadar pembiayaan semula kredit eksport daripada 5% kepada 4% setahun.

Ketiga-tiga langkah di atas berkuatkuasa mulai 1hb Februari, 1987.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya kadar berian pinjaman dan kadar pembiayaan Tabung Pelaburan Baru (New Investment Fund) juga telah diturunkan sebanyak tiga kali pada 9% dan 6.25% setahun masing-masing berkuatkuasa dari 18hb Pebruari kepada 8.25% dan 5.5% setahun berkuatkuasa dari 1hb April dan kepada 7.75% dan 5% setahun masing-masing berkuatkuasa daripada 1hb Jun, 1987.

Langkah-langkah di atas akan mengurangkan kos operasi bagi bank-bank dan dengan ini akan menurunkan kadar berian pinjaman. Saya berharap bank-bank dan institusi-institusi kewangan akan mengurangkan lagi kadar berian pinjaman untuk menggalakkan aktiviti ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan. sentiasa mengawasi perkembangan di dalam sistem bank dan akan mengambil tindakan penyesuaian tertentu dari masa ke semasa.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: SoaLan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sama ada beliau berpuas hati dengan kadar faedah pinjaman yang dikenakan oleh bank-bank sekarang ini. Kalau tidak, apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kadar pinjaman itu sesuai dengan saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita baru-baru ini?

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, kos purata pinjaman pada masa ini ialah 10.6%, manakala average cost of funds, dengan izin, pula telah turun kepada 4.8%. Oleh yang demikian, saya bagi pihak Kementerian Kewangan berpendapat bahawa kadar faedah pinjaman purata masih boleh diturunkan lagi. Ini adalah memandangkan bahawa kadar faedah pinjaman asas (base lending rate) telahpun turun juga dan saya berpendapat kadar faedah pinjaman seharusnya tidak boleh melebihi 3% di atas kadar faedah pinjaman asas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak boleh memaksa atau mengarahkan bank-bank atau institusi-institusi kewangan menurunkan kadar faedah pinjaman mereka, akan tetapi Kerajaan melalui Bank Negara sering menasihatkan bank-bank supaya menurunkan cost of funds mereka akibat daripada turunnya kadar faedah pinjaman asas kepada peminjam-peminjam.

Di samping itu, bank-bank juga dinasihatkan lebih bersimpati dengan peminjam-peminjam, khususnya dalam keadaan kemelesetan ekonomi negara kita ini dan bank-bank dinasihatkan, misalnya tidak mengenakan kadar faedah atau kaedah penalti melebihi lebih peratus kepada mereka yang benar-benar menghadapi masalah membayar balik pinjaman mereka dan bank-bank juga dinasihatkan supaya menubuh unit-unit pemulihan khas untuk menolong atau membantu perniagaan yang viable.

Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Disebabkan oleh kemelesetan ekonomi negara dan akibat faedah bank yang tinggi, ramai ahli peniaga bankrap ataupun muflis. Oleh itu, tidakkah Kerajaan bercadang mengambil langkah ataupun mengarahkan bank-bank supaya mengkaji semula faedah bank kepada syarikat-syarikat yang berkenaan untuk mengubahsuai pinjaman mereka?

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Kewangan, kami sentiasa menasihatkan pihak bank berbuat demikian. Kementerian Kewangan pun selalu mengadakan rundingan dengan institusi kewangan yang berkenaan supaya mereka benar-benar membantu peniaga-peniaga atau syarikat-syarikat yang benar-benar menghadapi kesulitan kewangan. Terima kasih.

AKTA PELAJARAN 1961

4. **Puan Law Jack Yoo** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kementerian beliau ketika dalam proses mengkaji semula Akta Pelajaran 1961, akan menimbang semula Seksyen 21(2) Akta tersebut supaya selaras dengan objektif-objektif yang dinyatakan dalam perenggan dia Babagian Mukaddimah Akta itu.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Woon See Chin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan belum selesai membuat kajian Akta Pelajaran 1961. Oleh kerana itu, saya belum dapat membuat apa-apa ulasan mengenai perkara yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam Akta Pelajaran 1961, Dasar Pendidikan Negara adalah bermatlamat perpaduan negara. Adakah wajar untuk Kementerian Pendidikan mengumumkan meneruskan arahan supaya pengajaran kursus-kursus pilihan di

bawah Jabatan Pengajian Tamil dan Tionghua di Universiti Malaysia supaya diteruskan. Apa yang kami khawatirkan ini akan memecahbelahkan perpaduan kaum di dalam generasi baru dan menanamkan benih polarisasi di antara generasi baru dan adakah Kementerian Pendidikan akan mengkaji semula dan menarik balik arahan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan pada hari ini sehingga sesuatu keputusan muktamad dibiiat oleh Kabinet?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, matlamat yang sudah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi adalah satu di antara tiga matlamat yang sudah ada tercatat di dalam Akta Pelajaran 1961 dan jika beliau menyemak pendahuiuan dalam Akta itu kita akan mendapat tahu bahawa penerusan matapelajaran bahasa Cina dan Tamil itu ada dilindungi di dalam peruntukan Perlembagaan Negara kita dan Kerajaan tidaklah ada cadangan untuk menghapuskan Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil.

PELAJARAN AGAMA ISLAM DI SEKOLAH

5. Tuan Haji Jaafar bin Harun minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) kenapakah Kementerian beliau tidak bercadang mewujudkan Pelajaran "Agama Islam" tambahan di sebelah petang kepada pelajar-pelajar yang beragama Islam supaya proses pembelajarannya akan lebih menyeluruh sesuai dengan nama Kementerian Pendidikan dan
- (b) adakah Kerajaan mengkaji semula Jadual Waktu Pelajaran Agama Islam di Sekolah Rendah dan Menengah. Kalau tidak, kenapa.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, untak makluman Ahli. Yang Berhormat, dengan terlaksananya Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR), pendidikan agama Islam pada masa ini adalah lebih menyeluruh dari yang dahulu dan memberi penekanan yang lebih kepada asuhan dan latihan membaca Al-Quran, di samping memberi pendidikan asas agama Islam.

Masa yang diperuntukkan bagi matapelajaran ini telah juga ditambah. Oleh yang demikian, Kementerian Pendidikan tidak bercadang hendak mengadakan pelajaran tambahan di sebelah petang, tambahan pula setengah-setengah bangunan sekolah digunakan untuk sesi petang sekolah biasa.

Mengenai jadual waktu, seperti yang telah saya sebutkan tadi, masa yang diperuntukkan bagi matapelajaran pendidikan agama Islam telah ditambah di sekolah-sekolah rendah dengan terlaksana KBSR. Keraenterian Pendidikan akan memberi pertimbangan kepada peruntukan masa yang lebih bagi matapelajaran pendidikan agama Islam untuk Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM).

Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan saya, saya ingin mengingatkan Dewan yang mulia ini, seelok-eloknya kalau soalan yang berkaitan dengan agama Islam, biarlah Menteri yang beragama Islam menjawab. Saya rasa itu lebih menyeluruh pada Ahli Dewan yang mulia ini.

Tuan Haji Jaafar bin Harun: Soalan tambahan.....

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dahulu, soalan itu belum dijawab lagi.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, itu satu cadangan yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dan itu bukan satu soalan tidak perlu saya jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Okay!

Tuan Haji Jaafar bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru sebentar tadi Timbalan Menteri sudah menyatakan bahawa masa untuk jadual waktu pelajaran agama Islam telah ditambah. Oleh itu, suka saya mendapat tahu yang asalnya berapa minit dalam seminggu dan tambahannya jadi berapa minit dalam seminggu untuk pelajaran agama Islam pada masa ini?

Tuan Woo See Chin: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan soalan itu, jumlah minit itu saya tidak dapat memberikan sekarang tetapi dalam masa satu minggu kita adakan lima waktu untuk mata-pelajaran agama Islam di sekolah rendah.

KADAR PELEPASAN CUKAI

6. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa kadar pelepasan cukai pendapatan yang ada sekarang masih rendah dan tidaklah boleh dinaikkan kepada:

- (a) Diri \$6,000.00
- (b) Isteri \$4,000.00
- (c) Anak \$5,000.00

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa pelepasan-pelepasan cukai yang diberikan kepada pembayar cukai di negara ini adalah tinggi jika dibandingkan dengan negara-negara di rantau ini.

Seseorang pembayar cukai boleh menikmati jumlah maksimum pelepasan cukai sebanyak \$14,300 yang meliputi:

- (1) \$5,000 untuk diri sendiri;
- (2) \$2,000 untuk isteri;
- (3) \$3,800 untuk lima orang anak; dan
- (4) \$3,500 untuk EPF dan insurans.

Jika pembayar cukai menikmati kesemua pelepasan-pelepasan cukai ini, ia tidak akan membayar apa-apa cukai sekiranya pendapatannya tidak melebihi \$1,192 sebulan.

Oleh yang demikian, buat masa sekarang, Kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan kadar pelepasan cukai pendapatan individu.

Tuan Haji Shuaib bin Lazim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tarabahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan, semenjak kita mencapai kemerdekaan sudah berapa kalikah kadar pelepasan cukai pendapatan itu dipinda. Kalau ada bila dan berapakah perbezaannya seperti (a), 9b) dan (c) di atas iaitu untuk diri, isteri dan untuk anak-anak.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab soalan itu secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Itu mahu notis, terlampau detail.

Tuan R.M. Jasni: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan dasar negara untuk menambahkan bilangan penduduk, tidakkah Kerajaan bercadang supaya pelepasan kepada anak-anak itu ditambah supaya dapat menggalakkan lagi masyarakat Malaysia menambah bilangan penduduk di negara ini.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan Ahli Yang Berhormat itu akan diambil perhatian.

PENYAKIT MASYARAKAT DI RANCANGAN FELDA

7. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan benarkah berlaku di banyak rancangan FELDA hari ini wabak penyakit masyarakat seperti judi, najis dadah, berpoya-poya ke bandar-bandar untuk berseronok-seronok dan penyakit membenci Kerajaan dan pemimpin serta wakil-wakil rakyat serta kakitangan FELDA sendiri. atas sebab jalan rosak, bekalan air tiada atau selalu terputus serta bekalan api yang belum menjelang. Apakah rancangan Menteri mengatasi masalah ini semua menjelang 1990.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah [Tuan Adam bin Abdul Kadir]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafikan adanya penyakit masyarakat, tetapi penyakit masyarakat tidak terbatas di dalam rancangan FELDA sahaja tetapi bagaimanapun apabila kita katakan 'wabak', saya rasa penyakit wabak masyarakat di FELDA sebenarnya belum sampai ke peringkat wabak. Bagaimanapun bagi mengatasi penyakit masyarakat seperti, yang di sebutkan itu, iaitu judi, najis dadah, berpoya-poya dan membenci Kerajaan umpamanya, FELDA sentiasa mengadakan rancangan memberi kursus kepada pemimpin-pemimpin peneroka supaya mereka mampu menjadi pentadbir dan pemimpin rancangan dan juga sebagai pemimpin pembangunan peneroka dalam rancangan-rancangan FELDA. Di samping itu, FELDA juga sentiasa mengadakan langkah-langkah supaya dapat kita mengimbangi tujuan mengimbangkan pembangunan kebendaan dan keduniaan dengan pembangunan kerohanian dan keagamaan di kalangan masyarakat rancangan untuk anak-anak dan generasi kedua golongan peneroka, kita sentiasa memberikan pengajaran vokasional supaya mereka mahir dan pada satu masa nanti mereka akan dapat berdiri di atas kaki sendiri.

Bagi masyarakat peneroka ataupun kita sebutkan 'penerokawati.', FELDA menubuhkan Gerakan Persatuan Wanita untuk mewujudkan masyarakat wanita yang maju dan progresif dan dengan itu kita harap ia akan dapat meninggikan taraf hidup dan ekonomi keluarga golongan peneroka itu.

Tuan Yang di-Pertua, FELDA dari masa ke semasa terus mengadakan dan mengatur kempen kesedaran negara dan sebagainya dan di samping itu, FELDA akan menyekat kemasukan anasir-anasir yang tidak diingini supaya sentimen anti Kerajaan itu dapat kita banteraskan.

Datuk Nasir bin Haji Manap: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kebelakangan ini terdapat peneroka-peneroka rancangan FELDA meninggalkan tempat kediaman mereka. Kalau ini benar, apakah yang menyebabkan terdapat di antara peneroka-peneroka yang meninggalkan rancangan "FELDA dan apakah tindakan-tindakan atau usaha daripada pihak Kerajaan untuk menghalang perbuatan yang berlaku ini.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, memang banyak sebabnya kenapa setengah-setengah peneroka meninggalkan rancangan-rancangan FELDA. Salah satu contohnya sepertimana yang selalu kita dengan di kalangan peneroka-peneroka yang datangnya daripada persisiran pantai. ialah mereka tidak begitu sesuai apabila tinggal di kawasan pendalaman. Mereka perlu mendengar ombak berdesir baru-lah mereka boleh tidur. Itu salah satu sebabnya, Sebab-sebab lain adalah seperti juga sebab-sebab di kalangan masyarakat lain, iaitu mereka kadang-kadang bergerak, berpindah dari satu tempat ke satu tempat dan tabiat ini juga ada di kalangan peneroka-peneroka.

Tuan Yang di-Pertua, FELDA terus berusaha untuk mengekalkan FELDA-FELDA di rancangan-rancangan dengan sentiasa memberi paadangan supaya mereka ini lebih setia kepada segala perancangan yang diberikan kepada mereka demi meningkatkan pendapatan dan meningkatkan kebahagiaan hidup. Usaha-usaha Kerajaan ini telah menampakkan buktinya kerana daripada satu masa ke satu masa FELDA terus-menerus mendapat permohonan dan jumlah permohonan ini adalah jauh mengatasi tempat yang kita bekalkan daripada setahun ke setahun.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam skim rancangan FELDA yang akan datang berapakah peratus yang telah dikuotakan untuk peneroka-peneroka yang bukan bumiputera?

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, tentang kuota, saya minta izin kalau diberikan waktu untuk menjawabnya secara bertulis, kalau ingin mendapat jawapan secara bertulis.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, kerana FELDA banyak melibatkan anggota wanita, jadi biarlah saya mewakili wanita membuat soalan kepada Setiausaha Parlimen Kementerian berkenaan, Adakah pihak Kementerian sedar adanya pegawai-pegawai dari Bahagian Seranta yang berkempen hebat ke FELDA dan ke rancangan-rancangan tanah di bawah Kementerian Yang Berhormat, iaitu kempen-kempen yang merupakan anti Kerajaan, terutamanya kepada Kerajaan kita yang baru sahaja wujud selepas pilihanraya yang baru lalu. Kalau sedar, apakah tindakan yang akan diambil atau sudahkah diambil?

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar, memang kita tahu ada di kalangan pegawai-pegawai yang disebutkan itu mengadakan langkah-langkah ataupun yang kita panggil sebagai kempen anti, saya rasa lebih sesuai mereka ini anti kepada satu-satu pihak dan pro kepada satu-satu pihak yang lain. Tetapi untuk mengatakan anti Kerajaan itu, saya rasa kalau kita boleh menggunakan perkataan Inggeris 'far-fetched' sedikit. Bagaimanapun, Kerajaan terutamanya FELDA yang di sebutkan itu akan mengambil tindakan sewajarnya, bukan tindakan daripada segi menutup pintu rezki, tetapi sebagai langkah disiplin sahaja, sepertimana juga dalam hal-hal lain di dalam perkhidmatan Kerajaan ataupun di perkhidmatan swasta.

PLAZA TOL SUNGAI BESI/SEREMBAN

8. **Tuan Hassan bin Nam minta** Menteri Kerjaraya menyatakan adakah pihak Kementerian Kerjaraya akan memansuhkan Plaza Tol yang sedia ada dekat Sungai Besi dan Seremban setelah kutipan tol baru beroperasi seperti di Sunpang Kajang, ke UKM Bangi, ke Seremban dan Senawang atau sebaliknya.

Timbalan Menteri Kerjaraya [Tuan Osu bin Haji Sukam]: Tuan Yang di-Pertua, apabila sistem Tol Tertutup beroperasi, hanya -Plaza Tol di Seremban sahaja yang akan dimansuhkan, manakala Plaza Tol di Sungai Besi akan terus beroperasi kerana ia merupakan pintu masuk ke lebuhraya daripada Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Paramjit Singh.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan yang ke 9.

LAPANGAN TERBANG IPOH

9. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom [di bawah S.O. 23[2]] minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan akan menimbang untuk meninggikan taraf dan memperbaiki Lapangan terbang Ipoh untuk membolehkan kapal terbang besar turun di lapangan terbang itu; dan
- (b) apakah sebabnya Kerajaan menanggung untuk memperbaiki Lapangan terbang, Ipoh.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang mempunyai cadangan untuk mempertingkatkan kemudahan Lapangan terbang Ipoh. Projek Lapangan terbang Ipoh yang dicadangkan apabila siap kelak akan mempunyai kemudahan-kemudahan untuk menampung operasi Boeing 737 dan juga kemudahan pendaratan waktu malam.

Pelaksanaan projek pembangunan lapangan terbang Ipoh terpaksa ditangguhkan oleh kerana Kerajaan pada masa ini menghadapi kemelesetan ekonomi. Bagaimanapun jadual pelaksanaan projek ini masih dalam pertimbangan Kerajaan.

Tuan G. Rajoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah berlaku mengenai cadangan untuk membina projek lapangan terbang baru di Bandar Baru Perak Tengah?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di.-Pertua Keraenterian Pengangkutan telah membuat satu kajian bagi memperluaskan dan mengubahsuai keadaan Lapanganterbang Ipoh yang mempunyai sekatan fizikal. Kajian itu telah dibuat pada awal tahun 80an dan telah mencadangkan satu lapanganterbang baru perlu dibina, seperti kata Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, dengan mengambilkira; kemajuan teknologi mengenai alat-alat pendacatan dan panduarah, satu kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa Lapanganterbang Ipoh boleh diubahsuai dengan mengadakan alat-alat tersebut untuk membolehkan pendaratan jet seperti Boeing 737.

PENUBUHAN SEKOLAH SRJK(C) DAN SRJK(T) - SYARAT

10. Tuan Tan Chai Ho minta Menteri Pendidikan menjelaskan berapakah permohonan yang diterima mengenai penubuhan RRTK (C) dan SRJK (T) sejak 1980 dan berapa permohonan tersebut telah diluluskan. Apakah syarat yang mesti di penuhi sebelum permohonan tersebut diluluskan.

Timbalan Nenteri Pendidikan [Tuan Wong See Chin]: Tuan Yang di.-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilagan permohonan untuk menubuhkan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) semenjak tahun 1930 adalah seperti berikut:-

Jenis Sekolah	Bil Permohonan	Bil. yang diluluskan
SRJK(C)	6	3
SRJK(T)	1	Tiada

Syarat-syarat untuk menubuhkan sesebuah sekolah adalah mengambil kira perkara-perkara seperti berikut:

- (i) sekolah-sekolah yang sedia ada di sekitar kawasan yang berkenaan tidak dapat menampung pertambahan murid-murid di kawasan tersebut;
- (ii) tidak terdapat rancangan untuk menambah bangunan atau cawangan sekolah-sekolah yang sedia ada di cawangan yang berkenaan bagi menampung pertambahan murid-murid.
- (iii) masalah pengangkutan dan keselamatan murid-murid untuk berulang alik ke sekolah-sekolah yang ada di sesuatu kawasan itu; dan
- (iv) kedudukan kewangan yang ada.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkah Kementerian Pendidikan memberi pertimbangan kepada taman-taman perumahan yang baru di mana penumpuan orang-orang Tionghua yang bilangannya bertambah untuk memohon Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) yang baru dan juga adakah Kementerian akan menimbangkan sekiranya dalam sesuatu taman perumahan yang mana tanah lapang telah disimpan untuk membina sekolah?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan akan menimbangkan semua permohonan dan semua permohonan ini mestilah mematuhi semua syarat-syarat yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Heng Tee.

Tuan Lim Hehg Tee: Tuan Yang di-Pertua, sehelum saya bertanya soalan saya iaitu soalan ke-11 saya minta sedikit pembetulan dalam teks Inggeris soalan saya, iaitu, dengan izin:

" To ask the Minister of Youth and Sports to inform whether there is any plan to set up a 'faculty' - bukan 'Factory'

[Ketawa] - or school of sports.....".

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan ke 11.

INSTITUT SUKAN NEGARA

11. **Tuan Lim Heng Tee** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sama ada sudah ada rancangan untuk menubuhkan satu pusat pengajian tinggi untuk Sukan dan Pendidikan Jasmani bagi melatih dan membekalkan pegawai-pegawai yang berkelayakan di bidang sukan dan pendidikan jasmani untuk negeri kita.

Menteri Belia dan Sukan [Dato' Seri Haji Hohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan sudah mempunyai rancangan untuk menubuhkan sebuah Institut Sukan Negara untuk melatih dan membekalkan pegawai-pegawai dan ahli-ahli sukan yang berkelayakan di bidang sukan negara kita-

Sekeping tanah seluas kira-kira 82 hektar di Bukit Jalil, Sungai Besi, Kuala Lumpur telahpun diperolehi, untuk membina Institut int. Institut ini adalah merupakan Fasa Pertama Kompleks Sukan Negara yang dirancang akan dibina secara berperingkat-peringkat mengikut keupayaan kewangan. Pelaksanaan Fasa 1 akan bermula pada tahun ini.

PROJEK PERUMAHAN PEKERJA LADANG TELUK MERBAU

12. **Tuan C. Krishnan** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (i) adakah beliau sedar bahawa satu projek perumahan pekerja-pekerja Ladang Teluk Merbau dalam Majlis Daerah Sepang telah diberi Certificate of Fitness (CF) walaupun kemudahan air (dan elektrik masih belum lagi disediakan. Adakah perkara ini benar dan jika ia apakah kekurangan-kekurangan yang telah wujud dalam projek ini dan
- (ii) Majlis Daerah Sepang masih belum mengiktiraf kawasan perumahan tersebut. Dengan demikian, sampah sarap tidak dikutip dengan sempurna.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji. Hussein bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, memang benar perumahan pekerja-pekerja Ladang Teluk Merbau telah diberi Sijil Kelayakan Menduduki walaupun pada masa itu sambungan perbekalan api dan air masih belum diberi. Peraturan ini ialah dipakai di Majlis Daerah Sepang di atas persefahaman di antara Penguasa Majlis Daerah Sepang dengan Jabatan Perbekalan Air dan Api, Peraturan ini dipakai bagi di. patuhi. oleh pemaju-pemaju dan pembuat-pembuat rumah bersendirian. Namun demikian, projek perumahan pekerja-pekerja Ladang Teluk Merbau ini sekarang telahpun diberi bekalan api dan air. Maka apa yang telah di persoalkan dalam masalah perbekalan api dan air sudah tidak timbul lagi sekarang ini.

Menyentuh dalam masalah di pertanyaan yang kedua, suka saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa kawasan Ladang Teluk Merbau masih belum termasuk di dalam kawasan Majlis Daerah Sepang.

Oleh itu pemungutan cukai masih belum dilaksanakan. Yang demikianlah tanggungjawab menjaga kebersihan atau memungut sampah masih belum terletak pada tanggungjawab penguasa tempatan iaitu Majlis Daerah Sepang.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kepada Yang Berhormat Menteri Perumahan. Saya sedia maklum bahawa 5% wang cagaran itu telahpun ditetapkan dengan Majlis Daerah Sepang bagi mengawasi segala infrastruktur jalan-jalan ini. Sekarang jalan-jalan di kawasan perumahan Teluk Merbau itu sudah rosak. Siapa yang bertanggungjawab - pemajukah atau Majlis Daerah?

Siapa yang akan mengawasi segala kerosakan jalan-jalan di kawasan perumahan Teluk Merbau dan satu lagi bilakah cadangan Kementerian Perumahan supaya kawasan perumahan ini diletakkan di bawah Majlis Daerah Sepang?

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil perhatian atas pandangan yang pertama, manakala soalan yang kedua, setakat ini kawasan ini masih belum diambil kira untuk diletakkan di bawah Majlis Daerah Sepang.

Tuan G. Rajoo: Soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Yang Berhormat sedar bahawa beberapa skim perumahan di tanahair kita ini telah dikeluarkan Sijil Layak Menduduki tanpa air dan api dipasang. Apakah tindakan akan diambil ke atas pemaju perumahan yang berkenaan ini?

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sayangnya soalan tambahan tni terlampau umum, jadi sukar bagi saya untuk menjawab satu persatu. Yang demikian, insya Allah saya akan memberi jawapan apakala Yang Berhormat ini mengemukakan soalan-soalan yang tertentu di dalam Dewan yang akan datang.

TAYANGAN FILEM DI TV

13. **Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri penerangan menyatakan adakah benar Kementerian Penerangan (khususnya TV Malaysia) telah menjadi jentera besar Kerajaan yang menyebarkan propaganda-propaganda dan nilai-nilai. Barat menerusi tayangan-tayangan filem Inggeris yang terlalu banyak dan terlalu kerap sekarang ini.. Jika ya, adakah Kementerian mempunyai langkah-langkah tertentu bagi mengatasinya.

Timbalan Menteri Penerangan [Tuan Railey bin Jaffrey]: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa Kementerian Penerangan khususnya RTM telah menjadi jentera besar Kerajaan yang menyebarkan propaganda-propaganda dan nilai-nilai barat menerusi tayangan-tayangan filem Inggeris. Menurut peratusan secara menyeluruh, 61.3% dari rancangan-rancangan TV Rangkaian 1 adalah terbitan tempatan dan hanya 38.2% merupakan rancangan-rancangan dari luar negeri. Di Rangkaian 2 pula, 56.8% macam-macam yang disiarkan adalah rancangan tempatan manakala 43.2% adalah rancangan-rancangan dari luar negeri.

Rancangan-rancangan luar negeri yang disiarkan itu memanglah membawakan nilai-nilai masyarakat negara-negara di mana rancangan itu diterbitkan. Tetapi tidaklah semua nilai dan gambaran-gambaran hidup yang di bawakan itu buruk semata-mata. Tidak kurang juga nilai-nilai dan sikap hidup yang boleh menjadi teladan dan pengajaran baik kepada masyarakat kita. Filem-filem Inggeris yang ditunjukkan itu adalah juga ditunjukkan di seluruh dunia dan telah dipilih dengan teliti sebelum ianya dimainkan di Televisyen Malaysia. Namun demikian, masih ada juga aspek-aspek yang tidak memuaskan daripada orang ramai.

RTM memang sentiasa mengambil langkah untuk menambah peratus cawangan-cawangan tempatan di dalam kedua-dua rangkaianannya. Projek menswastakan penerbitan rancangan-ancangan tempatan, khususnya drama yang dilaksanakan oleh Kementerian Penerangan, adalah salah satu langkah yang menambahkan bilangan rancangan-ancangan tempatan selain daripada apa yang mampu diterbitkan sendiri oleh pihak RTM. Kementerian juga sedang mengambil langkah untuk membanyakkan tayangan filem-filem terbitan tempatan.

BELIA KE LUAR NEGERI - ROMBONGAN

14. **Tuan M. Sangaralingam** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan adakah rombongan-rombongan belia yang ditaja ke luar negeri oleh Kementeriannya bagi tujuan lawatan sambil belajar benar-benar mencerminkan masyarakat majmuk Malaysia dari segi komposisi perkauman rombongan-rombongan tersebut.

Menteri Belia dan Sukan [Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]: Tuan Yaag di-Pertua, seraemangnya sudah menjadi dasar bahawa tiap-tiap program lawatan yang ditaja oleh Kementerian Belia dan Sukan sama ada dalam atau luar negeri mengandungi komposisi belia berbagai kaura yang menganggotai pelbagai jenis pertubuhan belia negara ini. Pemilihan peserta adalah berdasar kepada syarat-syarat seperti:

- (i) cergas dalam pergerakan belia;
- (ii) mengikut had umur yang ditetapkan bagi tiap-tiap program;
- (iii) berjaya dalam temuduga oleh sebuah panel;
- (iv) mempunyai pengetahuan yang luas dalam dasar-dasar negara kerana mereka dianggap sebagai duta kecil negara ini.

Bilangan peserta dari pelbagai kaum yang telah mengikuti rancangan tersebut sejak tahun 1980 - 1986 adalah seperti berikut:

Melayu	358	orang;
Cina	107	
India	54	"
Lain-lain	6	"

PETRONAS - KILANG PENAPIS MINYAK DI MELAKA

15. **Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah Petronas akan mula membina kilang penapis minyaknya di Tanjong Keling, Melaka seperti yang telah dirancangkan itu, dan adakah Petronas akan membinakan Syarikat-syarikat lain membina kilang tersebut, jika Petronas tidak berminat projek tersebut.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah bin Gaddam]:

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Kerajaan telah bersetuju pada dasarnya supaya PRTRTONAS mendirikan sebuah lagi kilang penapis minyak di Melaka, pembinaan kilang tersebut ditangguh ke satu tarikh yang belum ditetapkan lagi bagi membolehkan PETRONAS membuat kajian menyeluruh mengenainya dengan mengambilkira keadaan industri petroleum dan perkembangan-perkembangan yang berlaku seterusnya. Oleh hal yang demikian, persoalan untuk membenarkan syarikat-syarikat lain membina kilang tersebut tidak timbul buat masa ini.

GARIS PANDUAN KEPADA PELAKUN DAN ARTIS DI TV

16. **Dr. Nordin Selat** minta Menteri Penerangan memberitahu selain dari tidak membenarkan pelakun dan artis berambut panjang di TV Malaysia, adakah Kementerian Penerangan juga akan melarang orang yang bergigi rongak mengambil bahagian dalam rancangan TV Malaysia. Tidakkah ada dasar menyeluruh tentang imej bangsa Malaysia di TV Malaysia.

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan mempunyai garis panduan dasar yang luas cakupannya mengenai kelakuan, pakaian dari batas-batas kebebasan artis waktu berlakon atau mengambil bahagian dalam rancangan TV Malaysia. Rambut panjang yang merupakan peniruan kebudayaan tertentu, pakaian dan perhiasan-perhiasan yang terlalu menjolok mata, gerak geri dan tuturkata yang tidak sopan, semuanya dilarang.

Tetapi kecacatan anggota atau gigi rongak adalah sesuatu kejadian yang tidak siapa pun mahu. Ia adalah pemberian Allah S.W.T. yang kadangkalanya membawa tuah kepada orang-orang yang terlibat. Ramai artis-artis komedi yang berjaya justeru kerana sifat-sifat dan rupa yang selalu diketawakan orang. Oleh itu, pihak Kementerian Penerangan tidak sekali-kali berhajat untuk melarang artis-artis begitu untuk mengambil bahagian dalam rancangan-rancangan TV. Sebarang cadangan untuk berbuat begitu adalah satu perbuatan yang menghina dan membayangkan rasa tidak insaf atas kekuasaan Allah S.W.T.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, sebelum menyoal saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian berkeajaan kerana Setiausaha Parlimennya telah membuat satu statement di akhbar dua hari yang lalu mengenai garis panduan para-para artis. Syabas, itu-lah yang dikehendaki oleh rakyat. Soalannya ialah adakah Yang Berhormat berpendapat, gigi rongak itu pemberian Allah [**Ketawa**] sebabnya gigi rongak adalah satu kecacatan perkara yang baharu,

boleh dibaiki boleh buat gigi palsu dan lainnya, yang pertama. Yang kedua, tidakkah Kementerian bercadang untuk mengurangkan pula sedikit siaran-siaran hiburan ala disco-Hippies yang selalu tersiar di rancangan hiburan kita sama ada di siaran Ratu, Dua, lebih-lebih lagi di siaran TV3, ala disco berbentuk Hippies. Itulah soalnya.

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tidak ada manusia yang dilahirkan di dalam dunia ini tidak mahu cantik, tidak mahu handsome, dengan izin, semua mahu, tetapi saya rasa soal gigi rongak itu juga pemberian Allah. Jadi, kalau seseorang itu ingin mengubah sikap atau sifat dia, terserahlah kepada dia. Dia hendak cabut giginya seraua, pasang gigi palsu pun boleh. Hendak beri gundur rambut, pasang wig atau rambut palsu pun boleh, kalau dia rasa itulah patut. Kementerian tidak ada halangan dalam hal ini.

Berkenaan rancangan-rancangan ala disco-hippies dan sebagainya, ini sebenarnya memang menjadi dasar Kementerian. Biasanya kita menerima feed-back daripada orang ramai berkenaan rancangan kita yang kita tahu sama ada popular atau tidak atau disukai ramai atau sebaliknya. Kita akan buat kajian dari masa ke semasa berpandukan kepada kehendak masyarakat.

Tuan Azman Attar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri berkenaan fasal gigi rongak. Timbalan Menteri pun ada sebut, ttdak ada siapa yang dilahirkan tidak mahu cantik. Kalau sekiranya ditikirkkan pelakon-pelakon itu amat baik, adakah Kementerian Penerangan bercadang untuk memberikan subsidi gigi supaya dia bergigi. **[Ketawa]**

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, kalau gigi rongak itu menguntungkan, ttu boleh dibuat model, tidak perlu ganti gigi. Sebagai penerangan lanjut memang kita faham bahawa ada di antara artis-artis yang bernasib baik mempunyai sifat demikian. Bolehlah saya sebutkan di sini, dengan izin, seniman Allahyarham A.R. Tompel oleh kerana kerongakan dan kesumbungan giginyalah, dia menjadi popular.

JABATAN PERPADUAN NEGARA - MENYUSUN SEMULA

17. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau berpuas hati dengan pencapaian kemajuan yang dijalankan oleh Jabatan Perpaduan Negara untuk menyatupadukan rakyat Negara ini. Jika tidak, adakah Kerajaan bercadang menyusun semula Jabatan Perpaduan Negara supaya ianya dapat bergerak dengan lebih berkesan sesuai dengan tujuan penubuhannya. Jika berpuas hati, sila nyatakan kemajuan yang telah dicapai selama ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Tuan Alias bin Md, Ali]:

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk menyusun semula Jabatan Perpaduan Negara. Walau bagaimanapun, saya ingih menjelaskan di sini bahawa Jabatan Perpaduan Negara sentiasa mengkaji rancangan-rancangannya dan dengan tujuan untuk dikemaskini-kan dan disesuaikan dengan keadaan yang ada sekarang ini. Contohnya, Rukun Tetangga yang pada peringkat awalnya ditumpukan kepada gerakan meronda kawasan-kawasan perumahan telahpun diubahkan tumpuannya kepada program-program menggalakkan perhubungan dan interaksi perhubungan di antara anggota-anggota masyarakat. Program-program baru seperti khemah kerja kejiranan juga sedang disusun bagi menggalakkan perhubungan antara kaum di dalam kawasan-kawasan perumahan yang tertentu.

Tuan Azman Attar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian yang ambil tahu masalah, Jabatan Perpaduan Negara ini akan menyusun semula semua jawatankuasa di peringkat kawasan-kawasan. Kerana apa yang saya dapati terutama di peringkat kawasan saya sendiri, nampaknya kurang aktif dan tidak memberi kesan kepada masyarakat di sekitar kawasan itu.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Yang Berhormt itu tidak begitu puas hati dengan prestasi Jawatankuasa Rukun Tetangga yang ada di dalam kawasannya, Yang Berhormt bolehlah membuat cadangan-cadangan supaya jawatankuasa itu disusun semula atau dikemaskinikan. Pihak jabatan ini sentiasa dari masa ke semasa mengkaji prestasi setiap jawatankuasa yang ada sekarang supaya dapat diperkemaskinikan.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, adakah Setiausaha Parlimen sedar Jawatankuasa Perpaduan di peringkat Daerah dan peringkat Negeri telah ditubuhkan. Apakah kesan selepas penubuhan Jawatankuasa ini di peringkat Daerah dan Negeri. Beberapa kalikah mereka mesyuarat. Adakah Jabatan Perdana Menteri atau Jabatan Perpaduan Negara mengawasi segala aktiviti-aktiviti. Jawatankuasa ini ataupun jawatankuasa ini nama sahaja.

Kerana baru-baru ini satu kes berlaku di. Kampung Jawa di mana telah berlaku perkelahian antara dua kaum, apakah Jawatankuasa ini. telah bertindak? Jangan adakan satu Jawatankuasa di peringkat daerah, atau negeri atas nama sahaja tetapi apa yang kita perlu ialah apa tindakan mereka telah buat untuk menyatupadukan kaum di peringkat daerah dan negeri.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, tugas Jawatankuasa Rukun Tetangga ini semata-mata untuk menggalakkan orang ramai. menambah semangat muhibbah dan kejiranan dan tidaklah mereka mempunyai suatu kuasa seperti yang ada pada Polis untuk mengelakkan perkelahian misalnya. Kalau di antara orang-orang, anggota-anggota atau kumpulan dalam masyarakat itu ingin berkelahi maka tidak ada suatu pun dapat dibuat untuk mengelakkan perkelahian seperti itu. Tetapi pihak Jawatankuasa ini sepatutnya berfungsi untuk menanamkan semangat kejiranan, muhibbah dan kerjasama di. antara anggot-anggota masyarakat di dalam sesuatu tempat itu dan pihak Polis patutlah dihubungi sekiranya berlaku sesuatu yang lebih serius seperti. perkelahian misalnya.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di.-Pertua, soalan tambahan. Adakah atau tidak Kerajaan mengakui bahawa Jabatan Perpaduan Negara 'hidup segan mati tak mahu dalam keadaan begitu, kalau tidak adakah Jabatan Perpaduan Negara menrancang mengadakan kursus untuk mencegah polarisasi di antara kaum ataupun memupuk semangat bersatu padu di antara satu kaum dengan yang lain dan juga adakah Kementerian akan memberikan kursus kepada pemimpin-pemimpin dan juga tiap-tiap lapisan masyarakat khususnya pemimpin-pemimpin yang sentiasa mengeluarkan keayataan yang menyinggung perasaan kepada satu kaum yang lain?

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di Pertua, pihak Jabatan ini sentiasa mengkaji kesan-kesan daripada kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh Jawatankuasa Rukun Tetangga di semua peringkat. Kajian ini akan di jadikan suatu panduan untuk menyusun strategi-strategi selanjutnya supaya kekesanan Jabatan Perpaduan Negara ini akan ditingkatkan dari satu masa ke satu masa.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat supaya diadakan kursus kepada pemimpin-pemimpin yang membuat kenyataan-kenyataan yang bercanggah dengan usaha-usaha perpaduan, saya dapat memberi jaminan bahawa kursus seperti itu boleh kita adakan kalau pemimpin-pemimpin yang berkenaan itu mahu kita memberi kursus kepada mereka. Tetapi susahnya pemimpin-pemimpin seperti pemimpin parti-parti politik pembangkang mereka tidak mahu kita beri kursus oleh kerana mereka fikir mereka hidup dengan cara mengadakan membuat kenyataan-kenyataan yang lebih banyak menimbulkan perpecahan daripada menimbulkan perpaduan. Oleh kerana mereka hidup dan "survive", dengan izin, atas dasar perpecahan terutama perpecahan di antara kaum, maka saya tidak yakin mereka mahu meminta kita memberikan kursus kepada mereka.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan iaitu tidaklah dinafikan bahawa Jabatan Perpaduan Negara telah banyak menjalankan usaha dan telah banyak kekesanannya dalam matlamat perpaduan di negara ini. Sesiapa pun tidak boleh menafikan ini. terutamanya di kawasan-kawasan rumah-rumah pangsa berbilang kaum. Tidakkah Kementerian Yang Berhormat bercadang untuk

menambahkan peruntukan kepada Jabatan ini kerana inilah yang menjadi satu kesukaran atau kesulitan kepada Jabatan ini bagi menjalankan atau meneruskan segala usaha yang telah dirancangkan.

Oleh kerana saya sendiri adalah antara yang terlibat maka yang kami dapati, masalah kewanganlah yang selalunya yang tidak dapat menjayakan segala "rancangan baik-baik" dari Kerajaan demi untuk perpaduan ummah di negara kita ini.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin oleh kerana alasannya yang memberangsangkan kepada pihak Jabatan ini. mengenai pencapalan Jabatan ini di masa lepas.

Kementerian memang sedar bahawa masalah kewangan selalulah menjadi "constraint", dengan izin, kepada program-program dan kerja-kerja yang akan dijalankan bukan sahaja bagi Jabatan ini bahkan bagi lain-lain Jabatan juga.

Seperti Yang Berhormat sedia makluman, pihak Kerajaan pada masa ini menghadapi masalah kewangan yang masih belum kita dapat selesaikan. Kalau keadaan kewangan Kerajaan bertambah baik pada masa akan datang, saya yakin dan percaya Kerajaan akan dapat menambah peruntukan untuk menambahkan kegiatan-kegiatan bagi Jabatan ini dan apabila tiba masanya kelak saya harap Yang Berhormat bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain di dalam Dewan yang mulia ini akan sedia menyokong peruntukan tambahan yang diminta oleh Jabatan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Masa Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.18 hingga 59 adalah]

MEMILIH TIMBALAN YANG DI-PERTUA

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Yang Berhormat Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohiddeen dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua.

Tuan Bee Yang Sek: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul itu. **[Tepuk]**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana hanya seorang Ahli sahaja yang di cadangkan dan disokong menjadi Timbalan Yang di-Pertua, maka mengikut peruntukan Peraturgn Mesyuarat 2(3) dan 5(2), saya dengan ini memasyhurkan Yang Berhormat Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohiddeen dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua. **[Tepuk]**

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat itu. **[Tepuk]**

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG JALAN-JALAN PERSEKUTUAN
(PENGURUSAN PERSENDIRIAN) (PINDAAN)****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang di tangguhkan atas masalah, "Bahawa- Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (15hb Julai, 1987)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Jaafar bin Haron.

3.40 ptg.

Tuan Haji Jaafar bin Haron: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun mohon izin bercakap sepatah dua, mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Akta Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984, yang mana Akta ini bolehlah dinamakan Akta Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pindaan) 1987, sepertimana yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri pada petang semalam.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Akta Jalan-jalan Persekutuan ini sepertimana yang diterangkan oleh Timbalan Menteri semalam tujuannya, yang saya nampak tidak lain dan tidak bukan, ialah menuju kepada penswastaaan. Walaupun barangkali jalan-jalan kita sama ada jalan dalam negeri ataupun Jalan Persekutuan belumpun diswastakan.

Menyentuh tentang masalah jalan ini, sememangnya jalan-jalan ini, adalah satu daripada kemudahan-kemudahan asas yang penting dalam negara kita ini, bukan sahaja kepada kita orang-orang di dalam bandar, bahkan lebih-lebih lagi kepada rakyat-rakyat kita di luar bandar sama jugalah pentingnya dengan bekalan api dan air. Kepada penduduk-penduduk luar bandar jalan adalah satu perkara yang penting bagi mereka orang kampung dan penduduk-penduduk tempatan kerana jika tidak ada jalan, tentulah tidak ada arah mereka yang hendak menuju ke bandar untuk mencari atau menguruskan cara penghidupannya sehari-hari.

Semenjak negara kita mencapai kemerdekaan telah lebih 30 tahun yang lalu, Kerajaan kita telah dan sedang meneruskan lagi usaha-usahanya ke arah meninggikan taraf hidup rakyat, termasuk juga satu daripadanya mewujudkan jalan-jalan di luar bandar.

Saya rasa patut kita mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kita sebagai Kerajaan Barisan Nasional yang telah dan sentiasa merancang dan melaksanakan beberapa projek pembangunan seperti pembangunan jalan-jalan dalam negara kita ini. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri berkenaan, kerana telah mengemukakan Rang Undang-undang ini untuk meminda Akta Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) bagi dibahaskan dan untuk mendapatkan pandangan.

Berkenaan dengan Jalan-jalan Persekutuan ini, Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya dan juga jalan-jalan yang ada dalam negara kita ini, sebagaimana yang kita maklum bahawa di masa-masa yang lalu, jalan-jalan Persekutuan bukan sahaja pentadbirannya, tetapi juga dalam bahagian pengurusan jalan-jalannya pun semuanya adalah di bawah pentadbiran Kerajaan Persekutuan, di bawah Jabatan Kerjaraya. Maksudnya tiap-tiap pembinaan jalanraya yang hendak dibina itu adalah dikelolakan dan ditadbirkan oleh JKR, iaitu sejak dari pada mula mengadakan pelan jalan sehinggalah ke tender-menender dan juga pemberi kontrak dan sebagainya lagi, kesemuanya itu adalah diuruskan oleh JKR sendiri. Manakala peruntukan dan kewangannya sememangnya adalah daripada Perbendaharaan kita. Dengan cara yang ada ini ada baiknya dan ada juga kelemahan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana barangkali hendak mengatasi kelemahan ini, maka Kerajaan beralang hendak menswastakan Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian), mungkin akan dilaksanakan apabila sampai masanya kelak.

Tuan Yang di-pertua, saya suka menyentuh dalam perkara pengambilan tanah kerana apakala jalan-jalan hendak dibina, tentulah melibatkan beberapa keping tanah bagi pengambilan tanah untuk projek

jalan yang akan dibina. Sememangnya Kerajaan akan membayar ganti-rugi kepada pemunya-pemunya tanah di mana tanahnya telah diambil oleh Kerajaan bagi pembinaan projek jalan tersebut. Jika tanah Kerajaan tentulah tidak ada masalahnya, hanya yang mendatangkan masalah ialah tanah kepunyaan rakyat, lebih-lebih lagi tanah-tanah di Negeri. Sembilan umpamanya, kebanyakan tanah-tanah ini adalah tanah adat atau tanah pesaka dan juga ada tanah hak Simpanan Melayu kerana tanah-tanah ini jika diambil oleh Kerajaan pastilah diganti dengan tanah juga, tidak boleh dijual-beli. Jadi ini tentulah melibatkan Kerajaan Negeri dan beberapa perundingan dan juga pandangan daripada Kerajaan Negeri mestilah diadakan terlebih dahulu. Jadi ini manakala pelaksanaan penswastaan kelak, Jalan-jalan Persekutuan ini kelak jika terlibat sebagaimana yang saya sebutkan tadi, maka hendaklah mendapatkan pandangan dan perundingan daripada Kerajaan Negeri terlebih dahulu.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, dalam pelaksanaan penswastaan jalanraya ini, maka dari segi tapak jajaran jalan yang akan dibina itu kelak hendaklah Kerajaan memainkan peranannya dan janganlah diserahkan kepada swasta, setelah selesai urusan tapak jajaran jalan yang akan dibina itu, saya fikir barulah diserahkan kepada swasta untuk pelaksanaan pembinaan jalan itu supaya pembinaan jalan itu dapat dijalankan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pelaksanaan dan penswastaan jalan ini saya juga suka mengiagatkan berhubung dengan tender-tender, pemberian kontrak bagi tender-tender. Pelaksanaan sesuatu projek binaan jalan itu hendaklah Kerajaan kita berhati-hati, sekurang-kurangnya untuk mendapatkan pengalaman dan juga nasihat-nasihat

berhubung dengan kehendak-kehendak teknikal juga hendaklah diikuti semuanya supaya jalau yang dibina itu kelak dalam keadaan teguh dan baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka membenci pandangan kepada Menteri berkenaan berhubung dengan pelaksanaan kerja apakala di swastakan kelak. Pada pandangan saya setelah urusan-urusan tanah-tanah tapak jajaran jalan telah disiapkan oleh Kerajaan, maka barulah jalan itu diserahkan kepada mereka untuk dilaksanakan pembinaannya. Jadi dalam masa pelaksanaan kerja itu tentulah ada peraturan-peraturan tertentu dan had masa lama bagi menyiapkan kerja-kerja pembinaan. Apa yang saya pentingkan, Tuan Yang di-Pertua, ialah setelah siapnya jalan-jalan yang dibina itu, maka Kerajaan kita hendaklah mengambil kira had masa tambah lagi dua tahun ke hadapan adalah dalam tanggungjawab syarikat yang membuat pembinaan itu, kerana dalam masa dua tahun setelah siapnya jalan itu jika berlaku kerosakan, maka syarikat yang membina itu sendiri membaiki jalan-jalan yang rosak itu. Jadi, ini Kerajaan kita telah dapat menyelamatkan wang daripada membaiki kerosakan-kerosakan jalan itu, sekurang-kurangnya untuk tempoh dua tahun ke hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana banyak jenis-jenis jalan ini, suka juga saya mendapat penjelasan daripada Menteri berkenaan, bagaimanakah yang dikatakan Jalan-jalan Persekutuan dan bagaimana pula yang dikatakan jalan-jalan negeri dan juga jalan-jalan luar bandar? Kalau boleh suka saya mendapatkan angka-angkanya tiap-tiap jenis jalan itu yang telah dibina untuk tahun yang sudah iaitu tahun 1986 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh tentang keadaan jalan-jalan yang ada ini yang telah dibina oleh Kerajaan sama ada Jalan Persekutuan ataupun Jalan Negeri ataupun jalan-jalan luar bandar, kecuali jalan Lebuhraya, jalan yang lain daripada Lebuhraya itu saya nampak ada beberapa banyak tempat-tempat jalan yang merbahaya. Seumpama jalanraya daripada Kuala Pilah ke Seremban yang melalui Bukit Putus misalnya, ataupun daripada Seremban ke Kuala Kelawang melalui Bukit Tangga, kerana jalan-jalan ini masih banyak terdapat tempat yang bengkok-bengkok dan selekohnya yang begitu tajam. Ini adalah merbahaya kepada kenderaan-kenderaan yang melalui jalan itu, lebih-lebih lagi jika kenderaan yang datang daripada sebelah luar. Jadi oleh itu, saya berharap kepada Kerajaan supaya cuba mengurangkan ataupun membaiki jalan-jalan yang bengkoknya, lurusnya atau selekohnya begitu tajam dikurangkan sedikit selekohnya supaya tidak mendatangkan merbahaya kepada kenderaan-kenderaan yang masuk melalui jalan-jalan itu.

Yang akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, suka juga saya menyentuh berkenaan dengan jalan-jalan Persekutuan ini saya khuatiri barangkali apakala setelah diswastakan kelak bukan sahaja lebuhraya yang ada ditol tetapi kalau-kalau mungkin melarat kepada semua jalan-jalan Persekutuan yang ada dalam negara kita ini.

Jadi, kalau begitulah keadaannya tentulah jalan kita ini akan dipenuhi dengan tol sepanjang masa. Oleh itu Kerajaan kita hendaklah mengambil perhatian dan memikirkan supaya tol ini kepada jalan-jalan yang tertentu sahaja diadakan. Janganlah sampai kepada Jalan Persekutuan atau pun jalan-jalan yang lain akan diadakan juga tol-tol itu.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali kalau mungkin terpaksa untuk hendak mendapat sedikit sebanyak tambahan wang bagi perbelanjaan itu saya suka juga memberi pandangan iaitu bolehlah barangkali Kementerian kita menimbang dengan secara tidak langsung iaitu dimasukkan ke dalam bayaran minyak petrolkah umpamanya, atau pun kepada cukai jalan umpamanya dan ini saya rasa adalah cara yang tidak terasa kepada kita semua pembayaran-pembayaran kereta yang menggunakan wangnya secara terus apakala melalui tol lebuh-lebuhraya itu,

Jadi saya harap perkara ini Kementerian berkenaan akan dapat mengkaji dan menimbangkan semoga barangkali untuk mengubah cara-cara untuk membayar tol pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir itu sahajalah yang dapat saya beri pandangan dan dengan ini Rang Undang-undang ini saya sokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin

3.52 ptg.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih memberi saya peluang untuk sama-saraa menyokong kepada Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984 ini.

Saya menyokong kepada pindaan ini kerana mengetahui, menyedari bahawa perkara ini penting, perlu dan eangat memberi manfaat mungkinya apabila ia dilaksanakan demi untuk kemajuan dan pembangunan di negara kita ini. Cuma saya ingin menyentuh beberapa perkara iaitu yang pertamanya ialah mengenai Seksyen 7(1) iaitu mengenai penyerahakan hak meminta, memungut dan menyimpan tol.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan lebih lanjut untuk. pengetahuan dan juga untuk sebarang mungkinya mengenai cara manakah nanti pelaksanaan untuk menswastakan jalan-jalan atau pun jambatan-jambatan atau pun apa sahaja, feri dan lain-lainnya yang disebut dalam seksyen yang berkenaan ini, adakah ia dibuat melalui sebutharga, dengan izin, tender atau melalui perundingan atau disebut negotiative kerana kita telah mendengar sebelum ini berbagai-bagai tuduhan dan berbagai-bagai tohmahan telah dilemparkan kepada Kementerian Kerjaraya kita, kepada Kerajaan kita kerana kononnya ada beberapa penyelewengan berlaku dt dalam pemberian tender, di dalam perundingan tender yang telah lalu itu. Kita tahu perkara ini memang tidak benar, Tuan Yang di-Pertua, kerana kita tahu Kerajaan kita memang adil, kita mempunyai Lembaga Penapisan, Penelitian dan lain-lain tetapi di dalam Akta ini agak umum sedikit

bunyinya perkataannya iaitu umpamanya seksyen 21.

Akta itu memberi kuasa kepada Menteri atau memberi kuasa kepada mana-mana orang yang telah bersetuju membina, membina semula, meningkat dan seterusnya ertinya kuasa itu diberikan kepada Menteri dan orang ertinya mungkin berseorang atau syarikat-syarikat perseorangan tidak disebut cara mana peraberiannya itu diusahakan atau dilaksanakan.

Selain daripada itu ingin juga saya menyentuh mengenai perkara yang telah berlaku, mengenai pelaksanaan dan usaha-usaha yang telah dibuat bagi membetulkan, membina sama ada baru atau yang lama jalan-jalanraya, feri, jambatan di negara kita ini.

Kita tidak tahu di mana silapnya, sama ada pihak syarikat atau pihak yang telah diberi hak mengusahakan itu mengabaikan tanggungjawabnya atau penelitian, pengawasan dari Kementerian Kerjaraya sendiri mungkin ada kelemahan, didapati ada jalanraya yang diberikan tendernya kepada syarikat-syarikat besar yang berpengalaman tetapi jalanraya itu telah tidak tahan lama.

Kita pernah dengar rungutan-rungutan ini berlaku, umpamanya lebuh raya kita dan lain-lain jalan-jalanraya yang sedikit sahaja apabila ada hakisan atau sedikit sahaja masalah-masalah bencana alam, jalan-jalan ini repoi, roboh, lekok, rosak dan lain-lainnya.

Selain daripada itu pembinaan-pembinaan jalan yang diberi kepada syarikat-syarikat tempatan. Ada juga didapati mungkin kerana tender yang terlalu rendah yang diambil agaknya tidak cukup untungnya, jadi dia buat 'cincai' sahaja, kata bahasa pasar kita menyebabkan jalan-jalan ini rosak sebelum masanya.

Apakah pengawasan dari Kementerian berkenaan untuk menentukan mutu atau pun kualitasnya kepada pelaksanaan perabuatan jalan-jalan itu supaya ianya menepati sebagaimana yang dimaktubkan dalam syarat-syarat tender atau syarat-syarat penyerahan tender yang berkenaan. Adakah sudah mengambil tindakan kepada penyelewengan yang berlaku daripada syarikat-syarikat yang telah menerima tender atau yang menerima tawaran daripada Kementerian yang berkenaan setelah diteliti melalui proses-prpses yang diamalkan atau yang telah pun ditentukan di Kementerian yang berkenaan.

Selain daripada ini mengenai pampasan saya menyokong apa disebutkan oleh sahabat saya sebentar tadi iaitu pampasan ini juga hendaknya biarlah adil, terdapat beberapa peristiwa yang berlaku apabila tanah diambil untuk jalan, jambatan dan juga kawasan tanah untuk feri berada di dalam kawasan rizab Melayu maka pampasan bayarannya berkurangan nilainya atau pun jumlahnya daripada tanah-tanah bukan kawasan Melayu atau pun Malay Reservation.

Jadi kita merasa hairan kenapa begini berlakunya dan diharap di dalam melaksanakan Undang-undang ini nanti kalau terdapat perkara-perkara demikian, pampasan ini perlu dititikberatkan supaya ianya adil dan supaya ianya selaras dengan tanah-tanah lain yang bukan dalam kawasan Melayu yang diambil oleh pihak swasta melalui Kerajaan untuk tujuan-tujuan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu adalah juga diharap bahawa walaupun ianya akan diswastakan akan diberi kepada orang atau kepada sesiapa sahaja yang difikirkan sesuai yang telah diteliti, Kerajaan tetap juga, Kementerian berkenaan khasnya tetap juga, akan

mengawasi segala pelaksanaannya supaya tidaklah nanti terjadi bahawa perkara yang kita hajat itu sampai tetapi ianya merosakkan pula perkara-perkara lain yang sedia ada. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah.

3.59 ptg.

Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun ingin sama-sama membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian yang berkenaan di atas pindaan tersebut demi kemajuan dan perabangunan negara dan dengan lulusnya Undang-undang ini maka kuasa-kuasa yang lebih luas kepada Menteri yang berkenaan dapat dilakukan untuk membina, mengurus, menjaga jalan-jalan, jambatan atau feri di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, jalan adalah merupakan satu alat hubungan yang amat penting daripada satu tempat ke satu tempat yang lain di zaman kemajuan ini dan jalanraya telahpun dibina di mana-mana di serata negara ini, khasnya di kawasan-kawasan bandar. Walau bagaimanapun, setelah kita merdeka lebih 30 tahun masih terdapat juga kawasan-kawasan pedalaman dan kampung tradisi yang tidak ada langsung jalanraya untuk menghubungkan kampung mereka dengan bandar. Hal ini seharusnya mendapat perhatian yang sewajarnya daripada pihak Kerajaan. Sebagai contoh, terdapat negeri Johor sendiri, di mana saya datang, di daerah Kota Tinggi umpamanya Kampung Rantau Panjang, Kampung Linteng, Tanjung Surat dan daerah Johor Bahru terdapat Kampung Undi Jaya dan beberapa daerah lagi. dalam negeri Johor, sedangkan kampung-kampung ini telahpun dibuka lebih 80 tahun yang lampau tetapi mereka masih ketinggalan daripada pembangunan jalan yang lebih sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu, Rancangan-rancangan FELDA juga telah dibangunkan di seluruh negara kita dan terdapat setengah Rancangan FELDA ini. telah menerapatkan peneroka lebih 20 tahun tetapi keadaan jalan mereka begitu daif sekali. Apabila hujan keadaannya berlopak, lecak dan apabila panas berdebu dan debu-debu ini masuk ke ruang-ruang rumah dan masuk sampai ke periok belanga dan pada makanan-makanan yang disajikan. Bukan sahaja masalah jalan sekarang dihadapi tetapi. masalah kesihatan juga disebabkan jalan-jalan ini tidak dibina dengan baik. Suri-suri rumah tidak tidak dapat menjemur kain baju kerana debu-debu ini sentiasa berterbangan setiap masa. Apalah salahnya kalau jalan-jalan ini dinaikkan taraf memandangkan sudah lebih 20 tahun peneroka-peneroka ini tinggal di Rancangan FELDA tersebut.

Tuan Yang di-Pertua Kerajaan juga telah membuat satu dasar di mana jalan-jalan di FELDA ini hanya layak di tambak dengan batu-batu merah sahaja, sedangkan kita tahu negara kita ini. negara tropika sentiasa menghadapi berbagai musim, terutama musim tengkujuh. Apabila musim ini datang maka jalan ini akan hancur dengan hakisan air dan rosak. Tidakkah ini satu dasar yang membazirkan yang perlu dikaji semula supaya kenaikan taraf jalan-jalan ini di teruskan oleh pihak Kerajaan dan walaupun pada satu masa atau satu tahun hanya satu rancangan sahaja dapat di naikkan taraf jalannya. Kalau kita masih terus menambak batu-batu merah, Kerajaan sentiasa mengeluarkan belanja tetapi tidak dapat mengatasi masalah ini walau saya kira bila-bila masa sekalipun.

Tuan Yang di-Pertua, satu hal lagi yang dihadapi oleh para peneroka apabila mengadukan hal-hal jalan di kawasan-kawasan yang saya katakan tadi, mereka akan dapat beberapa jawapan atau helah, Jabatan Kerjaraya mengatakan ini. bukan tanggungjawab mereka, ini tanggungjawab pihak FELDA. Di pihak FELDA pula mengatakan ini. tanggungjawab pihak Jabatan Kerjaraya. Dalam keadaan inilah para peneroka yang terlibat sentiasa menaggung penderitaan berhubung dengan masalah jalan ini. Jadi, saya harap dapatlah pihak Kerajaan mengambil perhatian yang serius dan kita baru tadi mendengar soalan Yang Berhormat Senator Haji Shahrom bin Maasom mengatakan terdapat setengah-setengah peneroka FELDA memusuhi pentadbiran FELDA kerana jalan, air dan api, sedangkan pihak pengurusan rancangan itu sendiri tidak boleh buat apa-apa untuk mengadakan jalan sempurna bagi sesebuah rancangan melainkan adalah tanggungjawab pihak Kerajaan khususnya Jabatan Kerjaraya.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada soal yang banyak dibangkitkan dalam persidangan ini ialah masalah tol. Masalah tol ini

saya rasa bagi pihak pengguna-pengguna jalanraya menghadapi. masalah yang boleh dikatakan mencemaskan juga kerana bi.mbang dengan banyaknya rumah-rumah tol didirikan di segenap jalan atau lebuhraya yang dibina. Sebagai contoh, Lebuhraya Senai hanya 22 km lebih kurang panjangnya tetapi bayaran tol dikenakan \$1.00 bagi kereta, \$2.00 bagi lori dan 30 sen bagi motosikal. Apa yang menjadi rungutan di sini. ialah kepada pemandu-pemandu teksi yang hanya mencari makan, nafkah mereka daripada Kulai ke Johor Bahru sentiasa berhadapan dengan masalah tol ini. Mereka telah membuat rayuan berkali-kali ke jabatan yang berkenaan ataupun Lembaga Lebuhraya Malaysia tetapi. hingga ini. tidak mendapat apa-apa jawapan. Saya menyeru dan merayulah kepada Dewan yang mulia ini, pihak berkenaan supaya dapat mengambil perhatian sedikit masalah pemandu teksi ini kerana lebuhraya yang saya katakan tadi tidaklah begitu jauh sangat hanya lebih kurang 22 km sahaja dan bayaran yang dikenakan itu seharusnya dapat dikaji khususnya kepada pemandu-pemandu teksi..

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan bayaran tol yang lain-lain termasuklah jambatan yang disebut-sebutkan oleh rakan-rakan Yang Berhormat tadi. Saya bersetuju setelah 5 tahun selepas tol dikenakan hendaklah dikaji semula, bukanlah bermakna di.hapuskan tetapi dikurangkan kerana tol ini sangat penting kepada jalanraya ini kerana jalan akan rosak, jambatan juga akan rosak dan perlu dibaiki. Jadi kalau menghapuskan tol semua sekali saya juga tidak bersetuju. Apa yang berlaku di Jambatan Batu Pahat dan juga Muar yang telahpun dihapuskan, ertinya Kerajaan tidak dapat sedikit pun sumbangan daripada pembangunan yang diadakan itu, seelok-eloknya selepas 5 tahun dikaji semula, kalau boleh biarlah dikurangkan tetapi jangan dihapuskan. Ertinya sumbangan pendapatan sentiasa ada untuk membaiki jalan dan jambatan tersebut.

Menyentuh kepada kontraktor-kontraktor ataupun pemborong kepada jalan-jalan yang telah dibina oleh Lembaga Lebuhraya ataupun pihak JKR sendiri, saya juga bersetuju dengan rakan saya biarlah pemborong-pemborong tempatan diutamakan, janganlah apabila peruntukan berjuta-juta ringgit pemborong-pemborong yang dapat bukan daripada tempatan, bila memperbaikinya barulah diserahkan kepada anak tempatan dan beberapa masalah dihadapi oleh setengah pemborong tempatan i.tu.

Kawalan kepada jalan-jalan ini juga harus diperketatkan lagi kerana pembayar-pembayar tol ini terdiri, daripada motosikal dan kereta-kereta ringan. Walaupun lori-lori muatan lebih ini dikenakan lebih, tetapi merekalah yang banyak merosakkan jalan-jalan yang dibina oleh JKR ataupun Lembaga Lebuhraya. Apakah tidak ada satu undang-undang yang benar-benar menyerekkkan kepada pemandu-pemandu lori. ini. supaya tidak membawa muatan-muatan yang lebih. Walaupun kita tahu pihak penguatkuasa telah banyak kali. mengadakan sekatan, mengadakan denda tetapi nampaknya usaha-usaha ini tidak dapat mencapai ke matlamat yang dicita-citakan. Jadi, saya berharap supaya beberapa peraturan akan dapat di buat untuk menyekat supaya tidak pihak yang menggunakan kenderaan berat ini, sewenang-wenangnya menrosakkan jalan ini yang akhirnya meningkatkan kemalangan jalanraya dan melibatkan juga kenderaan-kenderaan laju seperti kereta dan motosikal.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah perbahasan saya dan saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tuan Chan Choong Tak.

4.12 ptg.

Tuan Chan Choong Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong cadangan untuk meminda Akta Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984.

Tindakan ini adalah suatu tindakan berpatutan mengikat dasar untuk menswastakan jalanraya-jalanraya. Tidak ada orang hendak melaburkan wang jika sekiranya wang yang dilaburkan itu tidak dapat diambil balik barangkali dalam satu masa dengan keuntungan.

Tujuan di swastakan jalanraya-jalanraya ini ialah untuk menjimatkan wang atau mengurangkan bebanan Kerajaan dan bukan untuk menambah bebanan kepada rakyat. Oleh sebab itu, sesuatu tindakan Kerajaan yang diambil untuk mencapai tujuan ini mestilah dapat disaksikan oleh orang ramai bahawa tindakan ini adalah betul, adalah bersih dan adalah saksama.

Di sini saya hendak mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Menteri Kerjaraya yang baru-baru mengumumkan bahawa persetujuan di antara Kementeriannya dan UEM tidak akan ditandatangani sehingga ragu-ragu yang telah ditimbulkan itu dihapuskan. Ini adalah baik kerana baru-baru sahaja negara kita telah diliputi oleh banyak skandal di dalam sektor private dan rakyat Malaysia tidak mahu menyaksikan sesuatu skandal terhadap sektor awam. Untuk mengelakkan ragu-ragu ini barangkali baiknya jika sekiranya tindakan tegas diambil supaya cadangan yang telah diberikan oleh Majlis Peguam itu iaitu menubuhkan Jawatankuasa Bebas untuk memproseskan tender-tender.

Bekenaan dengan jalanraya, sama ada jalanraya itu diswastakan atau tidak, tol yang dikenakan mestilah berpatutan, yang khas sekali dalam masa sekarang di mana ekonomi masih tidak baik. Lebuhraya-

lebuhraya yang dibuat itu mesti juga dibuat bersama-sama faedah-faedah untuk orang-orang yang menggunakan lebuhraya seperti telefon-telefon dan lain-lainnya, Maka di sini saya berharap pada masa yang akan datang telefon yang sesuai akan dipasang di seluruh lebuhraya dari utara ke selatan.

Juga had laju itu mesti dibuat supaya kemalangan itu tidak berlaku. Tetapi had-had laju itu juga mestilah berpatutan. Oleh sebab itu, saya berasa sangat hairan mendapat jawapan semalam daripada Menteri Kerjaraya bahawa had laju untuk lebuhraya daripada jambatan yang berdekatan dengan Airport dengan izin, ke Rumah Tol, had lajunya 50 kilometer. Oleh kerana lebuhraya ini ada dalam kawasan Federal Territory, dengan izin itu adalah satu lebuhraya atau, dengan izin, expressway dan saya fikir tak patut menghadkan had laju bagi pemandu-pemandu kenderaan di lebuhraya ini dengan had laju 50 kilometer sahaja. Oleh sebab itu, tiap-tiap hari ramai orang ditahan, ditahan kerana mereka telah tidak mematuhi had laju itu dan pada fikiran saya kebanyakan pemandu-pemandu tidak sedar dan saya sendiri pun tidak sedar bahawa had laju di lebuhraya ini, sepanjang lebih kurang 12 batu atau 20 kilometer, jalan yang lurus, lebar dan orang yang menggunakan kereta, khasnya kereta besar, kalau dihadkan untuk menjalankan keretanya dalam had 50 kilometer, barangkali itu juga akan menimbulkan bahaya kepada orang lain.

Maka di sini saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan untuk berunding sekali lagi sama ada had laju ini dapat atau tidak diubah. Kalau ada had laju, tempat yang berkenaan itu mestilah diberikan tanda-tanda yang nyata.

Dan juga, sama ada penswastaaan atau tidak, kalau sesuatu jalan itu tidak sesuai lagi, maka Kerajaan mestilah mengambil tindakan untuk membaikinya. Contohnya sebatang jalan berkenaan ialah jalan di antara pekan Seremban ke pekan Port Dickson dan Telok Kemang.

Tuan Yang di-Pertua, pantai Port Dickson yang terletak di Negeri Sembilan telah lama menjadi pantai pelancongan yang masyhur di pantai barat Semenanjung Malaysia. Ia adalah merupakan satu pusat pelancongan yang popular bukan sahaja bagi penduduk-penduduk di Negeri Sembilan, bahkan bagi penduduk-penduduk yang datang daripada Melaka, Klang Valley dan lain-lain daerah di negara ini.

Keindahan semula jadi kawasan ini bersama-sama dengan pokok-pokok kelapa sawit yang sentiasa melambai serta air laut yang jernih lagi biru berdekatan pula dengan Lapanganterbang Subang dan Ibukota Persekutuan telah menjadikan tempat ini sesuai sekali dimajukan untuk menjadi pusat pelancongan yang menarik di Negeri Sembilan dan juga di Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-pertua, Kerajaan Negeri Sembilan memang sedar tentang betapa berpotensi kawasan ini dan seterusnya Kerajaan Negeri Sembilan telah berusaha dengan giatnya untuk memajukan kawasan ini dan banyak wang juga telah dibelanjakan atasnya. Hotel-hotel yang bermutu, tempat-tempat penginapan yang mewah, bangunan-bangunan kelab yang indah serta projek perumahan telah dimajukan dan sedang dibinnkan untuk memenuhi kehendak-kehendak pelancong dan penduduk-penduduk yang makin berkembang.

Pada masa baru-baru ini, sebahagian daripada laut telah dipulihguna untuk tujuan pembinaan 'Mini Disneyland' dan pusat membeli-belah. Adalah dijangka 'Marina Bay' akan didirikan sepanjang pinggir laut yang indah ini.

Walau bagaimanapun, Kerajaan dan penduduk-penduduk di Negeri Sembilan khususnya dan pelancong-pelancong amnya, berharap benar-benar bahawa Kerajaan Persekutuan akan memberikan kerjasama atas projek pembangunan nasional ini. Walau macam manapun menariknya pantai Port Dickson dan betapa banyak kemajuan yang dijalankan atas pantai itu, tetapi kalau jalanraya di antara Seremban-Port Dickson dan Telok Kemang yang sempit lagi berliku-liku itu tidak dimajukan menjadi jalan kembar dua hala, ia tidak akan menarik orang ramai datang melawati pantai itu.

Jalanraya ini yang sempit telah sampai kepada kapasiti maksimumnya dan ia adalah tidak sesuai digunakan pada masa sekarang, lebih-lebih lagi. Pada masa akan datang, memandangkan bertambah sesaknya lalulintas yang melaluinya dari semasa ke semasa.

Selain daripada itu, pembangunan yang giat, dijalankan di sini, kini projek Kelab Tuanku Jaafar yang bersekil besar juga sedang dijalankan di sini. Semua projek ini akan meliputi kawasan seluas 1,920 ekar. Ia adalah terletak di antara batu 5 dan batu 7 sepanjang jalan daripada Seremban ke Port Dickson. Projek ini tentu sekali bukan sahaja akan menarik ramai penduduk daripada Negeri Sembilan, ia juga akan menarik penduduk-penduduk dari Melaka dan Selangor.

Selain daripada Kelab Tuanku Jaafar, projek tersebut juga termasuk satu skim perumahan yang akan menyediakan tempat tinggal untuk lebih kurang 20,000 orang penduduk. Tambahan pula, banyak

tanah sepanjang Seremban-Port Dickson yang terletak di dalam kawasan Perbandaran Seremban telah diperuntukkan untuk pembangunan perumahan dan perindustrian. Jadi, jelaslah jika tindakan tidak diambil untuk memperbaiki jalanraya yang sedia ada, perkembangan lalulintas yang wujud sekurang sudah cukup untuk mengakibatkan kesesakan lalulintas yang serius. Keadaan jalanraya sudah tentu akan menjadi lebih buruk lagi dengan bertambah pesatnya lalulintas yang akan diakibatkan oleh rancangan-rancangan pembangunan tersebut di atas.

Tuan Yang di-pertua, ramai penduduk-penduduk dari Negeri Sembilan terutamanya sekali penduduk daripada Telok Kemang, Port Dickson dan Seremban adalah amat dukacita sekali apabila Yang Berhormat Menteri Kerjaraya mengumumkan bahawa projek pembinaan lebuhraya atau pembaikan Lebuhraya Seremban-Port Dickson-Telok Kemang akan ditangguhkan untuk sementara waktu.

Kini kita yang telah mendengar berita baik daripada beberapa Menteri, khasnya daripada Menteri Kewangan bahawa ekonomi negara kita adalah dalam keadaan pemulihan. Jadi, izinkan saya di sini menyeru kepada Kerajaan supaya mempertimbangkan semula atas keputusan untuk menangguhkan projek tersebut di atas demi kepentingan Negeri Sembilan khasnya dan juga perindustrian pelancongan nasional kita pada amnya.

Sekiranya projek ini tidak dapat diteruskan oleh Kerajaan oleh kerana masalah kewangan, maka saya di sini mencadangkan supaya projek ini dijalankan dengan peringkat demi peringkat atau diswastakan.

Biarlah saya di sini menyeru kepada wakil-wakil dari pada Kerajaan Negeri Sembilan dan Kerajaan Persekutuan dan khasnya akhir sekali kepada Menteri Kerjaraya untuk berbincang bersama untuk mengambil langkah yang serius untuk melaksanakan projek yang dicadangkan ini canpa sebarang penangguhan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mohon menyokong cadangan pemindaan Akta Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jika tiada lagi Ahli Yang Berhormat yang hendak membahas kalau tidak ada saya jemput Yang Berhormat Menteri berkenaan memberi jawapan.

4.29ptg.

Timbalan Menteri Kerjaraya [Tuan Osu bin Haji Sukam]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan serta cadangan-cadangan dan teguran semasa membahaskan Rang Undang-undang Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) dan dengan ini saya dengan sukacitanya ingin menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli. Yang Berhormat dari semalam sehingga pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Nasir bin Haji Manap telah mencadangkan semalam supaya Kerajaan memansuhkan tol bagi jambatan, jalanraya atau feri sebaik sahaja apabila pulangan balik modal telah diperolehi oleh Kerajaan. Beliau juga telah mencadangkan supaya kadar tol hendaklah diturunkan menurut kadar jauh perjalanan, iaitu sebagai contoh setiap 50 kilometer perjalanan selanjutnya hendaklah dikurangkan 5½ sen atau sebagainya dan begitu juga hendaknya bagi setiap 50 kilometer yang berikutnya, Beliau juga telah mencadangkan supaya lebih banyak lagi tempat-tempat keluar atau 'outlet' dibina bagi kemudahan orang ramai keluar dari terapat-tempat tertentu dalam perjalanan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan untuk memansuhkan tol apabila semua pulangan balik modal telah diperolehi oleh Kerajaan, suka saya menyatakan di sini bahawa sememangnya menjadi hasrat dan tanggungjawab Kerajaan untuk berbuat demikian apabila tiba masanya kelak. Pada masa ini juga tol yang terdapat di Jalan Kuching cuma dihadkan untuk beberapa tahun sahaja.

Selain daripada itu, mengenai cadangan untuk mengurangkan tol mengikut jauhnya perjalanan, ini adalah merupakan satu cadangan yang perlu dikaji dengan mendalam terlebih dahulu oleh kerana implikasinya terhadap perbelanjaan dan pendapatan Kerajaan yang juga ada hubungkaitnya dengan masa untuk kita mengenakan tol di jalan-jalanraya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai jalan keluar daripada lebuh raya tertutup, ingin juga dimaklumkan di sini bahawa jalan-jalan keluar yang akan dibina adalah pada jarak tertentu sahaja yang difikirkan

dan yang didapati sesuai dibina memandangkan setiap jalan keluar itu yang perlu dibina akan menelan belanja yang begitu besar. Walau bagaimanapun, perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ttu tadi memang diambilkira oleh Kementerian Kerjaraya.

Semalam Yang Berhormat Rajoo juga telah membangkitkan meugenai mengadakan lebih ramai lagi Pegawai Penguatkuasa Lebuhraya yang baru dibina untuk 'menentukan supaya lebuhraya tersebut tidak dirosakkan oleh kenderaan yang membawa muatan yang berlebihan. Cadangan ini memang sedang dilaksanakan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia.

Yang Berhormat Ng Peng Hay telah menyentuh tentang tender pen-swastaaan Lebuhraya Utara-Selatan yang mana sekiranya disyakki ada penyelewengan berlaku dalam pemberian tender tersebut, Kerajaan hendaklah menubuhkan satu Jawatankuasa Siasatan untuk menyiasat perkara tersebut. Sukacita saya maklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa tender tersebut telah dinilai oleh satu Jawatankuasa Penilaian yang terdiri daripada pegawai-pegawai Kementerian Kerjara, Lembaga Lebuhraya Malaysia, Jabatan Kerjaraya dan juga wakil daripada Kementerian Kewangan. Tender tersebut telah dipertimbangkan menurut amalan-amalan dan peraturan-peraturan tender yang biasa yang dipraktikkan oleh mana-mana Jabatan Kerajaan. Oleh itu, saya ingin meyakinkan Dewan yang mulia int bahawa Jawatankuasa Siasatan itu tidak perlulah ditubuhkan.

Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon telah membangkitkan mengenai fakta-fakta lain yang perlu dikaji oleh Kementerian dalam melaksanakan sistem tol selain daripada fakta-fakta kedayapayaan projek, ia-itu seperti fakta pendapatan rakyat sama ada ianya setanding dengan pendapatan penduduk-penduduk yang maju. Beliau juga telah mencadangkan supaya tol bagi motosikal dikecualikan memandangkan ianya

melibatkan golongan yang berpendapatan rendah. Selanjutnya Yang Berhormat juga telah mencadangkan supaya di samping membina lebuh- raya yang indah, Kerajaan juga perlu mengadakan kemudahan-kemudahan awam yang lain, seperti petrol kiosk, mini market, restoran, tempat letak kereta dan sebagainya.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Mengenai faktor-faktor yang perlu diambilkira dalam membina sesuatu projek, adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan sememangnya mengadakan satu kajian yang teliti dan mendalam dengan mengambilkira semua faktor-faktor tersebut sebelum melaksanakan sesuatu projek itu.

Mengenai tol bagi motosikal pada masa sekarang ini, hanya motosikal yang mempunyai kuasa 70 c.c. ke atas sahaja yang dikenakan tol sebanyak 30 sen sahaja. Kadar tol ini dtapati kecil dan tidak membebankan penunggang-penunggang motosikal, oleh itu Kerajaan tidak ada cadangan untuk menghapuskan ke atas penunggang motosikal itu.

Mengenai kemudahan-kemudahan yang patut disediakan di lebuh- raya-lebuh raya, perkara ini memang ada dimasukkan di dalam Pelan Pelaksanaan Lebuh raya Utara-Selatan.

Tuan Yang di-Pertua, pada petang tadi Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin telah mengemukakan pertanyaan bagaimanakah caranya penswas- taan itu dilaksanakan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini bahawa semua projek-projek penswastaan biasanya dipanggil tender secara terbuka mengikut amalan-amalan Kerajaan yang ada pada masa ini.

Mengenai persoalan tentang mana-mana orang yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu tadi tentang pindaan terhadap Seksyen 2 dalam Rang Undang-undang ini, sukalah saya membetulkan di sini bahawa pindaan terhadap Seksyen 2 dalam Rang Undang-undang ini cuma melibatkan atau menambahkan perkataan-perkataan "atau yang ada dalam mana-mana Wilayah Persekutuan", tidak perkataan-perkataan "mana-mana orang itu sudah sedia ada" di dalam Akta yang ada sekarang ini.

Untuk soalan bagi usaha-usaha untuk membuat kerja-kerja penyelenggaraan, inginlah saya menyatakan di sini bahawa bagi kerja-kerja yang biasa, penyelenggaraan selalunya dibuat oleh Jabatan Kerjaraya sendiri. Tetapi walau bagaimanapun jika kita dapati bahawa kerja-kerja penyelenggaraan itu amat besar, maka kita di pihak Kementerian akan membuat panggilan tender atau sebut harga untuk jalanraya-jalanraya itu diselenggarakan,

Selanjutnya Yang Berhormat Puan Ainon telah juga bertanya apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap syarikat-syarikat yang menyeleweng. Inginlah saya menyatakan di sini bahawa tindakan yang akan diambil kepada syarikat-syarikat yang menyeleweng adalah seperti yang termaktub di dalam syarat-syarat yang terdapat di dalam Surat Perjanjian dalam kontrak dengan syarikat tersebut yang mana antaranya mengenakan denda atau jika perlu, kontrak-kontrak tersebut ditamatkan sahaja.

Soalan yang keempat yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Puan Ainon ialah mengenai kadar pampasan yang berpatutan hendaklah dibayar kepada pemilik-pemilik tanah yang terlibat dalam pembinaan jalanraya. Sukalah saya menyatakan di sini bahawa kadar pampasan ini ditetapkan oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian di kawasan yang

berkenaan dan kepada mereka yang kurang senang tentang nilai pampasan yang dibuat oleh Ketua Pengarah itu tadi dibolehkan merayu kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk mendapatkan nilai-nilai yang lebih yang difikirkan munasabah.

Selanjutnya Yang Berhormat Tuan Haji Jaafar Haron telah menimbulkan beberapa persoalan, antaranya masalah pengambilan balik tanah bendaklah digantikan kalau boleh dengan tanah juga. Pada masa ini adalah menjadi keblasaan bahawa Kerajaan membayar pampasan secara wang tunai setelah membuat perbincangan terlebih dahulu dengan Kerajaan Negeci yang terlibat itu.

Kedua, mengenai tempoh atnu dengan izin, guarantee period selama dua tahun bagi jalanraya-jalanraya yang dibina itu, perkata ini memanglah termaktub di dalam surat-surat kontrak yang ditandatangani di antara Kerajaan dan kontraktor tersebut menurut nilai sesuatu kontrak itu. Mengenai maklumat jalanraya-jalanraya luar bandar dan juga jalanraya-jalanraya Persekutuan, saya sukalah memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, oleh kerana soalan ini memerlukan jawapan yang agak terperinci, jadi saya akan membuat jawapan secara bertulis.

Keempat, Yang Berhormat itu juga telah menimbulkan satu cadangan alternatif bagi tol ialah melalui cukai jalan dan cukai petrol, Untuk makluman, buat masa ini Kerajaan telah memutuskan untuk mengenakan bayaran tol kepada motosikal-motosikal dan juga kereta-kereta yang menggunakan lebuhraya. Walau bagaimanapun, cadangan Ahli Yang Berhormat itu tadi untuk cukai jalan dan petrol, perkara ini akan dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan pada masa yang akan datang.

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah juga telah menyuarakan supaya jalanraya batu merah patut dinaikkan taraf dan siapakah yang bertanggungjawab untuk menaikkan taraf jalanraya ini?

Sukalah saya menyatakan di sini bahawa pada masa ini semua jalan-jalan masuk ke kawasan FELDA serta jalan-jalan yang menuju ke kilang-kilang adalah diwartakan sebagai jalan Persekutuan dan oleh hal yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kerjaraya dan Jabatan Kerjaraya untuk menyelenggarakan jalan-jalan ini. Walau bagaimanapun, jalan-jalan lain di FELDA adalah di bawah tanggungjawab FELDA itu sendiri. Memang benar tidak semua jalan-jalan Persekutuan yang menuju ke rancangan-rancangan FELDA itu dapat ditarkan oleh kerana ianya memerlukan peruntukan yang begitu besar dan sukalah juga saya menyatakan di sini bahawa perlaksanaan untuk menurap jalanraya yang menuju rancangan FELDA ini akan diturap secara berperingkat-peringkat mengikut kemampuan Kerajaan.

Yang Berhormat Tuan Chan Choong Tak telah menimbulkan supaya Kerajaan menubuhkan satu Jawatankuasa Bebas untuk menilai tender-tender yang telah dikemukakan untuk penswastaan Lebuhraya Utara-Selatan, Untuk makluman Yang Berhormat bahawa jentera Kerajaan yang ada pada masa ini dalam memproses dan menilai tender-tender adalah memuaskan dan tidak perlu ditubuhkan satu Jawatankuasa yang lain untuk berbuat demikian.

Mengenai had halu 50 kilometer sejam yang terdapat di kawasan-kawasan Wilayah Persekutuan, saya ingat Yang Berhormat Menteri Kerjaraya telahpun memberikan jawapannya tentang perkara ini di Dewan yang mulia ini pada petang semalam.

Mengenai isu Jalanraya Seremban-Port Dickson, sukalah saya menyatakan di sini bahawa Kerajaan sedar tentang keadaan jalanraya tersebut. Memandangkan keadaan yang ada sekarang di mana kewangan kita tidak mengizinkan, maka cadangan untuk penswastaan jalanraya tersebut walaupun telah dipanggil pada akhir tahun 1985, oleh kerana tawaran yang diterima itu adalah didapati tidak sesuai untuk dilaksanakan, maka rancangan ini terpaksa dibatalkan buat sementara waktu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat sekian sahajalah yang dapat saya beri jawapan kepada soalan-soalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan mana-mana soalan atau perkara yang telah tidak sempat saya jawab, saya ingin meyakinkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Kerjaraya akan mengambil tindakan susulan terhadap perkara-perkara yang ditimbulkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi di putuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi di putuskan, dan di setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA
(PERBADANAN) (PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.56 ptg.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang becaama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) 1980 di baca untuk kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian Kerjaraya adalah bertanggungjawab sepenuhnya di dalam melaksanakan segala program-program pembinaan dan penyelenggaraan kerja-kerja, bangunan-bangunan, jalan-jalan, jambatan-jambatan dan lapanganterbang-lapanganterbang Persekutuan seperti yang termaktub di bawah Perintah Menteri-menteri, Kerajaan Persekutuan (No.2) 1983 tentang fungsi-fungsi dan tanggungjawab Kementerian Kerjaraya.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerjaraya melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia pada masa sekarang sedang merundingkan pelaksanaan projek penswastan Lebuhraya Utara-Selatan dengan sebuah syarikat tempatan. Kerajaan telah mendapati sekarang bahawa Akta Lembaga Lebuhraya Malaysia yang sedia ada adalah tidak mencukupi dan terdapat kelemahan bagi membolehkan projek tersebut dilaksanakan dengan berkesan.

Sebab penting pindaan ke atas Akta ini diperlukan ialah kerana setnasa Akta ini digubal dahulu, dasar penswastan Kerajaan belum lagi wujud. Oleh itu cadangan meminda Akta ini adalah untuk mengkemaskinikan Akta ini untuk mengambil kira dasar penswastan tersebut dan juga sebab-sebab lain yang membolehkan Akta itu berjalan dengan lebih licin.

Dalam hal ini, beberapa seksyen di dalam Akta yang ada sekarang perlu dipinda dan di antara pindaan penting adalah termasuk Seksyen 11 yang menyatakan fungsi-fungsi Lembaga perlu juga diterangkan dengan lebih jelas dengan menambahkan beberapa perkataan supaya menunjukkan yang fungsi-fungsi Lembaga adalah ditentukan oleh Kerajaan Persekutuan, khasnya melalui Menteri Kerjaraya.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan juga dibuat ke atas seksyen 21 di mana pada masa yang lepas Kerajaan Persekutuan dengan secara pentadbiran menulis kepada Kerajaan Negeri untuk memindahkan mana-mana lebuhraya atau jalanraya Persekutuan kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia.

Kerajaan Persekutuan berpendapat bahawa pemindahan lebuhraya dan jalan Persekutuan kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia tidak perlu lagi dirujuk kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, memandangkan jalan-jalan tersebut adalah jalan Persekutuan dan seharusnya Kerajaan Persekutuan berhak memindahkan jalan-jalan tersebut kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia ataupun pihak lain di bawah sistem penswastan lebuhraya yang akan dilaksanakan. Perkara ini bukan sahaja mempercepatkan proses perlaksanaan projek ini, tetapi juga akan mengurangkan masalah "red-tape", dengan izin, di dalam pentadbiran Kerajaan.

Di dalam seksyen 21 juga Kerajaan bercadang untuk meletakkan tanggungjawab kawalan dan pengurusan semua lebuhraya yang dibina daripada sumber kewangan atau kumpulan wang Lembaga diletakkan sepenuhnya di bawah kawalan dan pengurusan Lembaga. Kerajaan juga bercadang untuk mewujudkan peruntukan seksyen 21A(1) yang membolehkan Kerajaan Persekutuan memberi atau membuat penarikan balik mana-mana lebuhraya di bawah kawalan dan pengurusan Lembaga dan menyerahkannya semula kepada Kerajaan Persekutuan. Penarikan balik tersebut bolehlah dibuat melalui Warta yang akan diisytiharkan oleh Menteri berkenaan.

Selanjutnya di dalam seksyen 21A(2) sehinggalah 21A(6) adalah mengenai mana-mana jalan-jalanraya yang telah ditarik balik kawalan dan pengurusannya daripada Lembaga akan terus menjadi jalanraya Persekutuan dan semua tanggungjawab dan apa-apa juga masalah berhubung dengan jalanraya yang ditarik balik tersebut itu adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan.

Selain daripada itu semua jalan-jalan dan tanah-tanah rizab jalan tersebut masih kekal menjadi rizab jalan Persekutuan yang asal. Bagaimanapun dalam hal ini Kerajaan boleh mengarahkan Lembaga untuk terus melaksanakan apa-apa kerja di jalanraya atau lebuhraya yang ditarik balik itu dengan pembiayaannya ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan sepenuhnya.

Mengenai kutipan tol pula, walaupun lebuhraya atau jalanraya tersebut ditarik balik pengurusan dan kawalannya daripada Lembaga, kutipan tol akan diteruskan sehinggalah ianya dibatalkan dengan persetujuan oleh Menteri Kewangan dan diWartakan pembatalannya.

Pindaan bagi seksyen 28 puta adalah bertujuan untuk mengemas-kinikan seksyen tersebut di mana semua arahan-arahan yang akan dikeluarkan kepada Lembaga mengenai semua fungsi, akan dibuat secara bertulis oleh Menteri yang berkenaan.

Di dalam membuat pindaan Akta Lembaga Lebuhraya Malaysia ini, saya juga mencadangkan supaya dua seksyen baru diwujudkan iaitu seksyen 31 dan seksyen 32.

Bagi seksyen 31 Kerajaan memandangkan supaya semua tanggungjawab dan obligasi lebuhraya yang diambil balik daripada Lembaga Lebuhraya Malaysia, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan untuk menanggung rugi akibat daripada penarikan balik yang dibuat di bawah seksyen 21A yang saya sebutkan tadi.

Seksyen 32 pula adalah berhubung dengan pengambilan alih tanah-tanah yang dimiliki oleh Lembaga selain daripada tanah yang digunakan untuk pembinaan lebuhraya berkenaan. tanah-tanah tersebut bolehlah dipindahkan kepada Kerajaan Persekutuan setelah perundingan di buat dengan Lembaga Lebuhraya Malaysia,

Tuan Yang di-Pertua, serta Ahli-ahli Yang Berhormat, pindaan-pindaan yang telah saya sebutkan ini amatlah perlu dilaksanakan bagi mengemaskinikan Akta tersebut sertai membolehkan Kerajaan melaksanakan projek-projek penswastaaan Lebuhraya tol dengan lebih kemas lagi.

Sekian secara ringkas kandungan kepada pindaan-pindaan di dalam Rang Undang-undang ini dari saya berharap dan berkeyakinan dengan adanya Rang undang-undang ini nanti akan dapat melicinkan dan memudahkan lagi pelaksanaan projek-projek penswastaaan lebuhraya yang sedang dirancang oleh Kerajaan Persekutuan sekarang.

Dengan itu, saya mencadangkan Rang undang-undang Akta Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) (Pindaan) 1987 ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini .

Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah bin Gadam]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Abang Haji Ahmad Urai]: Ahli-ahli. Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Lebuhraya Malaysia [Perbadanan] 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Sivalingam.

5.07 ptg.

Tuan K. Sivalingam: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahskaa atas pindaan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Lembaga Lebuhraya Malaysia [Perbadanan] 1980.

Saya mengalu-alukan usaha-usaha untuk memperbaiki dan memperluaskan lagi kesemua lebuhraya di negara ini. Ini akan memperkemas-kan lagi sistem pengangkutan jalaauraya di negara ini. Ini juga akan memajukaa pembangunan negara dan pelancongan dengan lebih pesat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, cukai jalan [road tax] yang diperkenalkan di negara ini atas dasar bahawa kegunaan lebuhraya dari jalan-jalanraya oleh pengguna-pengguna di negara ini adalah percuma atau tanpa apa-apa bayaran. Mengikut amalan ini semua jalan-jalan kecuali jalan dari Tanjong Malim ke Slim River tidak dikenakan bayaran. Tetapi baru-baru ini deugan penswastaan jalan-jalanraya, pengguna-pengguna terpaksa merabayar tol di banyak tempat.

Memandangkan lebuhraya-lebuhraya sudah mengenakan bayaran tol adalah perlu supaya cukai-cukai kenderaan dikurangkan. Oleh yang demikian, saya merayu kepada pihak Kementerian Pengangkutan untuk memberi pertimbangan atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan Shah Alam yang berhampiran dengan ladang Midlands, cara lebuhraya digunakan adalah sangat membahayakan. Ketiadaan jambatan untuk orang ramai dan murid-murtd sekolah telah mewujudkan satu keadaan yang cemas di mana sehingga ini 200 orang telah mengalami nahas jalanraya.

Saya di fahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, Dato' S. Samy Vellu, mengarahkan Kementerian Kerjaraya supaya menyiapkan satu jambatan berhampiran dengan Ladang Midlands dengan segera, demi kepentingan orang ramai dan murid-murid sekolah di kawasan ini. Saya di.fahamkan bahawa peruntukan untuk mendirikan jejantas atau oveRhead bridge sudahpun diluluskan.

Saya mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan berharap jambatan ini akan disiapkan dalam tempoh masa yang cepat. Dengan adanya kemudahan-kemudahan seperti ini, perjalanan jauh begitu selesa, diharap pihak Lemhaga Lebuhraya akan memberi keutamaan kepada lay-by atau rest areas, sepanjang Lebuhraya di negara kita. Ini akan memudahkan perjalanan jauh dan mengurangkan nahas-nahas jalanraya.

Saya menyokong Rang Undang-undang pindaan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi? Sila Yang Berhormat Tuan Haji Jaafar Haron.

5.12 ptg.

Tuan Haji Jaafar bin Haron: Tuan Yang di-Pertua, saya juga.

sebagaimana yang kita maklum, ialah rakyat mendapatkan bekalan-bekalan elektrik dan bekalan air paip dan juga kemudahan-kemudahan jalanraya.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana Kerajaan kita telah dan sedang serta akan meneruskan lagi kemudahan-kemudahan asas kepada rakyat kita di luar bandar, yang mana mereka itu masih ramai lagi yang belum mendapat kemudahan seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kemulahan-kemudahan asas ini saya juga mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kita, kerana Kerajaan telah juga dapat membina beberapa panjang lebuhraya dari Utara ke Selatan, demikian juga dari Timur ke Barat dan beberapa lebuhraya lagi sedang dalam perancangan. Jadi pembinaan lebuhraya ini semuanya menunjukkan Kerajaan kita telah mengambil berat pada rakyat kita menggunakan jalan-jalanraya untuk keselamatan dan kemudaban-kemudahan yang selesa dari satu tempat ke satu tempat. Tuan Yang di-Pertua, oleh itu Akta Lebuhraya Malaysia Perbadanan 1980 dahulu, pada pendapat saya sesuaiilah dibuat pindaannya pada hari ini sebagai Akta Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) (Pindaan) 1987, yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar-tadi, kerana dengan adanya pindaan Rang Undang-undang ini, Kerajaan kita bukan sahaja dapat mengemaskinikan pentadbiran Lebuhraya, tetapi juga mempunyai kuasa yang kuat bagi menyelia dan mentadbirkan berhubung dengan lebuhraya supaya lebuhraya kita ini sentiasa dalam keadaan baik dan semoga akan mengurangkan dalam perkara-perkara kemalangan-kemalangan di jalanraya.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh seksyen kecil (1) Seksyen 21. Saya nampak seksyen ini mengalihkan kuasa Kerajaan

Persekutuan kepada Menteri yang- berkenaan dan meluputkan atau mengeneipikan kuasa Kerajaan Negeri dan memindahkan pentadbiran satu-satu jalan Persekutuan kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia. Dalam pindaan ini, saya berharap kepada Kerajaan perlu dikemaskan pelaksanaannya, kerana dari segi pelaksanaannya Menteri hendaklah mendapatkan pandangan kedua dari. pihak Kerajaan Negeri, kerana Kerajaan Negeri lebih memahami. masalah-masalah setempat sama ada masalah-masalah penduduk, begitu juga berhubung dengan pertanian dan juga keadaan kawasan dan lain-lain. Pandangan ini perlu, Tuan Yang di-Pertua, supaya tidak menjajaskan kehidupan penduduk-penduduk setempat di tempat itu. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, apabila Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) bertindak untuk meluluskan jalan misalnya, ini tentulah ada kaitan dengan pengambilan canah. Jadi LLM juga tentulah mengambil tanah-tanah itu untuk kegunaan melebarkan jalan tersebut.

Lembaga Lebuhraya tentulah kurang memahami. tanah-tanah ini atau tidak memahami tanah-tanah yang dimiliki rakyat dalam pentadbiran Kerajaan Negeri, kerana di Negeri Sembilan umpamanya, ada beberapa jenis tanah yang dimiliki oleh rakyat. Misalnya geran putih yang kita maklum itu, ialah tanah yang dimiliki oleh rakyat, tetapi ada lagi tanah yang lain, tanah pusaka, tanah adat yang dimiliki oleh rakyat yang tidak boleh dijual-beli, begitu juga keluasan Tanah Simpanan Melayu yang telah berkurangan dan masih banyak lagi. yang belum diganti. Jadi. inilah yang memerlukan perundingan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Fasal 3 bertujuan memasukkan satu seksyen kecil 1A baru, selepas seksyen-kecil (1), Seksyen 21 yang memperuntukkan bahawa mana-mana lebuhraya yang mana kos pembinaannya adalah dibayar daripada Kumpulanwang Lembaga hendaklah terletak di

bawah kawalan dan pengurusan Lembaga. Dalam pelaksanaan seksyen ini, Tuan Yang di-Pertua, walaupun Kerajaan mementingkan penyelenggaraan lebuhraya, tetapi saya berharap janganlah membebankan rakyat, untuk kesejahteraan rakyat dan penduduk luar bandar sekeliling jalan lebuhraya, kerana sekatan-sekatan lebuhraya tersebut. Sebagai contoh Lebuhraya Seremban ke Kuala Lumpur di. satu tempat sebelah kiri jalan dari Seremban saya dapati. tidak ada laluan dari, muka jalan Lebuhraya itu ke rumah atau ke kampung mereka. Jadi kalau mereka hendak pergi ke Kuala Lumpur, mereka terpaksa mengikut jalan bawah menghalu ke Seremban dahulu, selepas itu barulah megikuti lebuhraya pergi ke Kuala Lumpur. Ini tentulah membebankan rakyat yang sepatutnya Kerajaan membuatkan jalan laluan dari lebuhraya itu ke tempat mereka.

Tuan Yang di-pertua, menyentuh Fasal 4 dalam perkaca menyelia atau melaksanakan penyelenggaraan lebuhraya ini, saya berharap pandangan dan persetujuan daripada Kerajaan Negeri juga patutlah diambilkira, kerana Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab sepenuhnya di atas tanah dan rakyat terutamanya di luar bandar tidak menjadi satu masalah yang berbangkit kemudian kelak.

Pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyarankan beberapa perkara berhubung dengan lebuhraya ini, supaya Kerajaan mengambil perhatian untuk dilaksanakan bagi kemudahan dan kepentingan rakyat.

Pertamanya, penduduk-penduduk di sepanjang lebuhraya patut diberikan kemudahan perjalanan menggunakan lebuhraya. Sekarang ini penduduk-penduduk ini seolah-olah macam diabaikan oleh LLM, kerana tidak ada jalan laluan dari lebuhraya ke tempat mereka itu.

Satu perkara yang penting, Tuan Yang di-Pertua, bagi pengguna-pengguna lebuhraya ini, ialah sistem mengingatkan pemandu supaya tidak melebihi had laju kenderaan yang diperuntukkan bagi satu-satu kawasan itu. Misalnya sebagai contoh lebuhraya daripada Seremban ke Kuala Lumpur ini ada mempamerkan had laju di sepanjang jalan itu dengan angka 110 kilometer satu jam. Pada pandangan dan pendapat saya angka pameran ini kurang memberi kesan kerana pandangan kurang jelas. Jadi, suka saya mengesyorkan sistem ini patut diganti dengan cara lain. Umpamanya angka 110 kilometer satu jam itu, hendaklah kita bubuh lampu pejam celik, kerana ini boleh menarik perhatian pemandu-pemandu supaya lebih berwaspada lagi, tidak kita menggunakan papan ataupun pameran yang ada seperti sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sepanjang lebuhraya ini juga saya suka mengesyorkan patut diadakan pondok kawalan polis kerana dengan adanya polis bertugas di situ dapat memberi peringatan lagi kepada pemandu-peraandu dan dengan adanya pondok kawalan polis itu maka jika berlaku apa-apa kemalangan di jalanraya, bantuan segera dapat diberi, tidak seperti sekarang kadang-kadang lambat menerima bantuan. Dan dengan adanya polis bertugas itu kejadian rompakan di jalanraya juga dapat dicegah.

Satu perkara yang penting lagi, Tuan Yang di-Pertua, ialah LLM ini hendaklah buat jalan lorong kecemasan, perlu ada di sepanjang lebuhraya. Ini adalah untuk menampung kereta yang terpaksa berhenti kerana rosak atau tayar pancit dan sebagainya.

Pada masa sekarang tidak ada lorong kecemasan untuk memandu yang mengalami masalah kerosakan di sepanjang lebuhraya. Pernah terjadi seorang pemandu yang menggantikan tayar kebocoran dilanggar oleh kenderaan yang lalu.

Yang akhirnya Tuan Yang di-Pertua, pada pandangan saya pasukan Bulan Sabit Merah juga patut di adakan di sepanjang lebuhraya untuk memberi bantuan segera kepada kemalangan yang berlaku. Dengan cara ini saya fikir banyak nyawa dapat diselamatkan, istimewa di musim-musim perayaan atau pun pada musim cuti-cuti umum, Hari Raya atau pun cuti hujung-hujung minggu kerana inilah masanya kenderaan bertambah-tambah di lebuhraya.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini di luluskan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay.

5.21 ptg.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mohon izin mengambil bahagian dalam perbahasan dan menyokong Rang Undang-undang Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perhadanan) (Pindaan) bagi petang ini.

Sebenarnya, saya suka menimbulkan beberapa perkara yang ada berkaitan dengan Lembaga Lebuhraya Malaysia. Seperti kita semua sedia maklum bahawa "lebuhraya adalah sangat penting kepada tiap-tiap seorang rakyat di dalam negara ini, lagipun pihak Kerajaan sedang berusaha hendak membina lebuhraya menyambung terus daripada Selatan ke Utara.

Pada masa sekarang apabila seseorang pemandu hendak pergi daripada Kuala Lumpur ke Melaka boleh menggunakan lebuhraya daripada Kuala Lumpur ke Seremban. Dan lebuhraya ini memang telah dibina lebih dari 5 tahun. Saya berpendapat bahawa Lebuhraya Kuala Lumpur ke Seremban ini kekurangan kemudahan seperti telefon. Sebenarnya alat telefon adalah amat penting di lebuhraya kerana sekiranya ada berlaku kemalangan atau pun kebakaran kereta dengan adanya alat telefon, maka seseorang pemandu itu dapat berhubung dengan pihak-pihak yang tertentu untuk membantu mereka.

Oleh itu saya tidak nampak di Lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban ada kelengkapan atau kemudahan-kemudahan yang saya sebutkan itu. Dan saya minta Lembaga Lebuhraya bukan sahaja hendak kutip tol tetapi juga sepatutnya daripada masa ke semasa meningkatkan lagi kelengkapan yang sangat diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berpendapat dan berpengalaman bahawa pemandu-pemandu kita yang menggunakan lebuhraya sentiasa tidak berkelakuan sopan santun. Pemandu-pemandu lori memang tidak membenarkan pemandu-pemandu kereta kecil memotong mereka. Dan ada setengah-setengahnya lagi pemandu kita kerana belum cukup faham lagi. Kegunaan lorong laju dan lorong perlahan yang patut laju di lorong laju tidak laju yang perlahan dilorong perlahan laju pula. Itulah kemungkinan satu sebab yang selalu mengakibatkan kemalangan jalanraya.

Jadi, saya juga suka merayu kepada pihak Lembaga Lebuhraya dan pihak-pihak tertentu mengadakan kempen atau pun kursus ataupun melalui siaran mass media supaya menyarankan pemandu-pemandu kita berkelakuan bersopan santun.

Tuan Yang di-pertua, juga saya suka menyentuh bahawa apabila saya melalui Lebuhraya Kuala Lumpur ke Seremban menghadiri persidangan Dewan Negara, saya dapati ada anggota-anggota polis yang menjalankan tugas penguatkuasaan di Lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban semata-mata hendak mengeluarkan kompaun, saman kepada pemandu-pemandu yang melanggar undang-undang.

Saya berpendapat bahawa sebagai seorang pegawai penguatkuasaan, tugasnya bukan sahaja mengeluarkan kompaun menyaman sesiapa yang buat salah, mereka ada juga bertanggungjawab untuk memberi nasihat dan membantu sesiapa pemandu yang perlu diberi bantuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka mengingatkan pihak Lembaga Lebuhraya di mana saya selalu nampak pegawai penguatkuasaan di Lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban membuat road-block, dengan izin, atau pun speed-trap, dengan izin, di pertengahan-pertengahan jalan lebuhraya. Ini sangat merbahaya bukan dahaja kepada pemandu-pemandu kereta, juga kepada pegawai-pegawai penguatkuasaan. Oleh itu, saya berharap pihak Lembaga Lebuhraya akan mengambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya suka membawakan berkenaan dengan kelengkapan Lembaga Lebuhraya di antara Kuala Lumpur dengan Karak. Saya berpendapat bahawa Lebuhraya antara Kuala Lumpur dan Karak walaupun saya bukan Ahli Dewan Negara daripada Pahang, tetapi bila saya lalu saya nampak lebuhraya di antara Kuala Lumpur dengan Karak ini adalah sangat merbahaya. Kerja-kerja membesarkan jalan tersebut memakan masa bertahun-tahun sehingga sekarang belum siap lagi. Dan bila kita memandu katan sebagai seorang pemandu bawa pada waktu malam, ia memang sangat merbahaya.

Jadi saya berharap Lembaga Lebuhraya, bukan sahaja pandai mengutip tol, adalah tanggungjawab pihak Lembaga Lebuhraya menjaga keselamatan pemandu-pemandu kereta. Saya pun dapati bahawa terowong atau pun, dengan izin, tunnel, di antara jalan Lebuhraya Kuala Lumpur/Karak ini kebanyakan lampu-lampunya tidak menyala, boleh dikatakan 50% lampu-lampu di bawah tunnel, dengan izin, tidak menyala lagi. Ia juga sangat merbahaya kepada pemandu-pemandu yang menggunakan terowong tersebut.

Duan Yang di-Pertua, di sini saya berharap lebuhraya di. antara Senawang dengan Air Keroh dapat dibuka dengan segera. Saya pernah membawa soalan tambahan dalam Dewan yang mulia ini dan pada masa itu Yang Berhormat Menteri. Kerjaraya telah menjawab soalan saya bahawa Lebuhraya di. antara Senawang dengan Air Kecoh akan dibuka pada 1hb Julai, 1987 tetapi sehingga hari ini lebuhraya tersebut masih belum dibuka.

Saya juga berharap jika jalan tersebut telah siap sepatutnya dibuka dan suka saya mengingatkan pihak Kementerian yang berkenaan janganlah charge dengan tol begitu mahal di antara Air Keroh dengan Senawang walaupun belum di buka dan saya berharap Kementerian berkenaan membuat kajian dengan kadar tol yang tidak akan membebankan pemandu-pemandu yang ingin datang melawat ke Melaka. Sekian, terima kasih.

Timbalan yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon.

5.19 ptg.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di.-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda suatu Akta Lembaga Lebuhraya Malaysia (Perbadanan) 1980.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang dijelaskan dalam manifesto Barisan Nasional, memang telah menjadi tradisi Kerajaan Barisan Nasional untuk melindungi hak-hak rakyat serta memajukan negara.

Begitu juga dalam projek pembinaan Lebuhraya Utara/Selatan ia juga mempunyai tujuan dan matlamat yang sama. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, hasrat Kerajaan yang bertungkus lumus demi kesejahteraan dan kebahagiaan bersama tidak harus disalahtafsirkan. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana projek tersebut berupa satu projek raksaksa yang melibatkan perbelanjaan yang begitu besar ia harus dilaksanakan secara berhati-hati dan terancang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengelakkan sebarang kekeliruan dan kehancuran bagi sebarang projek raksaksa adalah wajar bagi Kerajaan:

- (1) memberikan masa yang cukup bagi orang ramai melihat pendapat-pendapat mereka dan projek-projek seumpama ini dirancang dengan mengambil kira maklumbalas-maklumbalas tersebut.
- (2) Detail-detail tentang projek tersebut harus disiarkan kepada orang ramai melalui media masa seperti suratkhobar, Radio dan TV dan bukannya setakat diberikan kepada orang-orang tertentu sahaja. Ini adalah kerana projek ini melibatkan implikasi kebangsaan, politik serta implikasi artikal yang serius, Apatah lagi kalau ia disalahtafsir, disalahguna atau diperalatkan oleh pihak-pihak tertentu.
- (3) Kriteria yang terlibat dalam pemberian kontrak harus dijelaskan juga memandangkan hakikat bahawa kriteria tersebut adalah berbeza berbanding dengan apa yang biasa di amalkan

dalam masyarakat commercial. Pendek kata sebarang projek tidak harus di laksanakan secara tergesa-gesa atau dilaksanakan kerana hendak dilaksanakan.

Segala faktor-faktor yang mempengaruhinya sama ada faktor dalaman atau faktor luar harus di pertimbangkan dengan terperinci memandangkan kedudukan-kewangan serta keadaan ekonomi negara yang masih tidak berapa menggalakkan. Lebih-lebih lagi dengan cara yang lebih teliti ini dapat kita elakkannya daripada dijadikan sebagai satu isu yang mungkin membawa kesan-kesan yang tidak dingini.

Tuan Yang di-Pertua, lebuhraya yang rosak perlu diperbaiki tetapi pernah saya terperangkap didalam satu kesesakan jalan di sepanjang Lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban selama 2 jam akibat satu pembinaan yang kecil sahaja. Mengapa sebarang kerosakan lebuhraya tidak boleh diperbaiki dalam waktu malam? Saya berpendapat terdapat beberapa kelebihan jika kerja-kerja tersebut dilakukan pada waktu malam. Kesesakan jalan tidak begitu serius pada waktu malam kerana bilangan kenderaan pada waktu malam adalah berkurangan jika dibandingkan dengan bilangan kenderaan pada waktu-waktu yang lain. Yang kedua, cuaca pada waktu malam adalah lebih nyaman sudah pasti pekerja-pekerja kita akan lebih bersemangat. Mereka tidak perlu lagi berpenat lelah serta bekerja secara bermati-matian di bawah sinaran matahari yang cerah dan panas.

Tuan Yang di-Pertua, bertimbang rasa, bergotong-royong, bekerjasama, bersopan santun dan sikap berjiranan sebagaimana yang diketahui adalah merupakan amalan hidup kita bersama. Tetapi tahukah Yang Berhormat-Yang Berhormat wujudnya satu amalan hidup baru di antara berbagai perbadanan, agensi Kerajaan tersebut.

Sebarang jalan baharu sahaja dibina, beberapa hari kemudian datangnya Iori LLN dengan jenteranya untuk menggali dan menanam kabel, selepas itu jalan tersebut ditimbus semula, kira-kira seminggu lagi JPT pula datang kerana hendak memasang taliair. Sudah pasti Yang Berhormat-Yang Berhormat mengetahui apakah terjadinya kepada jalan baru tersebut. Mengapa perkara ini sering berlaku? Jawapannya ialah kerana tidak terdapat koordinasi yang baik di antara berbagai-agensi tersebut. Saya berharap pihak-pihak berkenaan perlu mengambil berat tentang perkara ini. Koordinasi yang erat perlu diwujudkan di antara berbagai badan tersebut, misalnya melalui penubuhan satu jawatankuasa bersama, jika tidak ia bukan sahaja menjatuhkan kualiti lebuh raya kita tetapi juga membazirkan beribu-ribu ringgit secara sia-sia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap pihak Kerajaan akan meneliti serta memberi perhatian yang serius ke atas perkara-perkara yang telah saya sebutkan tadi. Dengan ini saya ingin menyokong Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Lebuhraya Malaysia 1980. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap? Jika tidak ada, saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab. Silakan.

Timbalan Menteri Kerjaraya [Tuan Osu bin Haji Sukam]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-banyak ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah turut membahaskan pindaan Rang Undang-undang ini. Untuk makluman Yang Berhormat, sukalah saya memberi penjelasan dan jawapan terhadap pandangan-pandangan serta teguran-teguran yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Tuan Sivalingam telah menimbulkan soal Cukai Jalan (Road Tax) kenderaan perlu dikurangkan kerana pengguna-pengguna jalanraya pada masa ini dikenakan bayaran tol. Untuk makluman Yang Berhormat bahawa Cukai Jalan adalah ditetapkan oleh Kementerian Pengangkutan, dan untuk itu saya mintalah kepada Yang Berhormat kalau boleh mengemukakan permohonan untuk mengurangkan Cukai Jalan ini kepada pihak Kementerian Pengangkutan. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Kerjaraya juga mengambil perhatian tentang cadangan yang di kemukakan oleh saudara Yang Berhormat.

Yang Berhormat Tuan Haji Jaafar bin Haron juga telah membangkitkan tentang pindaan terhadap seksyen 21(1) yang mana adalah menjadi kebiasaan atau menjadi satu yang biasa di mana Kerajaan Persekutuan, dan Kerajaan Negeri, selalu merujuk tentang pengambilan tanah yang terlibat di dalam pembinaan lebuh raya Utara - Selatan ini. Apabila rujukan dan consultation, dengan izin, telah dibuat di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, barulah pengambilan tanah itu boleh di buat oleh Kerajaan Persekutuan.

Saudara Yang Berhormat Tuan Haji Jaafar bin Haron juga telah mengemukakan soal perlunya mengadakan lorong-lorong kecemasan untuk kenderaan-kenderaan yang rosak dalam perjalanan. Ingin saya menyatakan di sini bahawa walaupun pada masa ini, Lembaga Lebuhraya Malaysia tidak mengadakan lorong khas untuk tujuan ini, tetapi saya difahamkan bahawa 'side-table', dengan izin, yang ada di sepanjang lebuh raya yang agak lebar itu bolehlah saya ingat digunakan untuk tujuan kecemasan ini.

Yang Berhormat Tuan Haji Jaafar bin Haron juga telah mencadangkan apa kiranya kalau Bulan Sabit Merah boleh beroperasi di sepanjang Lebuh raya Utara - Selatan ini. Saya kurang faham bagaimana caranya kita boleh melibatkan Bulan Sabit Merah untuk melibatkan diri di dalam penjagaan lebuh raya ini, tetapi kalaulah sekiranya Yang Berhormat Tuan Haji Haron ada mempunyai cadangan yang terperinci, kami daripada pihak Kementerian sentiasa mengalu-alukan cadangan itu dan akan sentiasa menimbangkan kerjasama yang boleh diwujudkan bagi membolehkan Bulan Sabit Merah beroperasi di Lembaga Lebuhraya Malaysia.

Sementara Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay juga telah menimbulkan supaya kemudahan-kemudahan telefon dan lain-lain kemudahan lagi dibekalkan di seluruh lebuhraya di sepanjang Lebuhraya Utara Selatan. Kemudahan ini memang akan dipertingkatkan dan sememangnya-lah ada peruntukan di dalam pelaksanaan Lebuhraya Utara - Selatan dan ianya akan dipertingkatkan lagi apabila seluruh Lebuhraya Utara Selatan ini siap nanti.

Mengenai soalan kedua, peraturan lalulintas yang telah tidak dipatuhi oleh kebanyakan pemandu-pemandu, untuk makluman Yang Berhormat bahawa pada masa ini kita ada menyediakan peronda-peronda lebuhraya yang seringkali membuat rondaan di lebuhraya-lebuhraya yang digunakan oleh orang-orang awam. Jadi, peronda-peronda ini juga telah membuat tindakan-tindakan dan jika perlu untuk membawa pihak-pihak yang salah itu ke pihak mahkamah.

Mengenai cadangan-cadangan yang lain tentang masalah mengenai speed trap, dengan izin, yang mengikut Yang Berhormat diadakan di tengah jalan, saya ingat ini tidak betul. Apa yang mungkin dinyatakan oleh Yang Berhormat itu bahawa speed trap ini dibuat disamping jalan, tetapi apabila seseorang pemandu didapati salah maka road block itu akan dibuat di tengah jalan untuk membolehkan si pemandu itu tadi berhenti untuk diambil tindakan.

Mengenai cadangan-cadangan tentang Lebuhraya Kuala Lumpur Karak, Kementerian Kerjaraya sedar tentang masalah-masalah yang terdapat di kawasan tersebut dan akan mempertingkatkan lagi tanda-tanda keselamatan dan juga lampu-lampu di kawasan atau di dalam terowong yang telah tidak marak yang di nyatakan oleh Yang Berhormat tadi.

Mengenai pembukaan Jalanraya Senawang Air Keroh, sukalah saya menyatakan di sini bahawa jalanraya ini akan dibuka kepada public pada 1hb Ogos, 1987 dan saya harap Yang Berhormat akan bersabar kerana masa tidak berapa lama lagi untuk Yang Berhormat boleh menggunakan lebuhraya itu.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya membuat penjelasan?

Tuan Osu bin Haji Sukam: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua: Dipersilakan.

Tuan Ng Peng Hay: Saya ada dua perkara hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan membuat penjelasan, iaitu saya berpengalaman sekali di Lebuhraya Kuala Lumpur dengan Seremban di mana pegawai polis berdiri di tengah-tengah lebuhraya menahan kereta, membuat speed trap, dengan izin. Saya berharap Yang Berhormat membuat siasatan dan berharap pegawai-pegawai polis tidak melanggar peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh pihak Lembaga Lebuhraya.

Yang kedua penjelasan saya, saya minta Yang Berhormat menjawab kepada Dewan yang mulia ini, apakah kadar ataupun bayaran yang akan dikenakan kepada pemandu-pemandu kereta apabila lebuhraya di antara Air Keroh dengan Senawang di.buka.

Tuan Osu bin Haji Sukan: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan tentang speed trap tadi, sukalah saya menjelaskan bahawa pihak yang bertanggungjawab membuat speed trap itu bukanlah di tengah jalan. Kalau dia buat speed trap di tengah jalan untuk orang slow down, dengan izin, sudah tentu dia tidak akan boleh melaksanakan speed trap itu. Yang menjadi kebiasaan, speed trap itu

dibuat dengan tidak pengatahuan pemandu-pemandu kereta dan apabila terdapat seseorang pemandu itu melebihi had laju, barulah tindakan road block untuk si pemandu itu tadi disuruh berhenti supaya tindakan dapat diambil atau amaran dapat dibuat kepada pemandu itu tadi.

Mengenai soal bayaran tol, sukalah saya nyatakan di sini bahawa tol itu ditetapkan oleh Kabinet dan Ahli Yang Berhormat akan dimaklumkan apabila Kabinet membuat keputusan terhadap berapa banyakkah tol itu.

Ahli Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon telah menimbulkan tentang masalah penswastan yang kurang diberi pengetahuan umum kerana perkara ini telah ditimbulkan oleh pihak-pihak Pembangkang tidak berapa lama dahulu.

Izinkan saya menyatakan di sini dan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, bahawa Dewan ini juga telah dijelaskan beberapa kali di dalam persidangan-persidangan Dewan ini, yang lalu oleh Yang Berhormat Menteri Kerjaraya bahawa tender untuk penswastan Lebuhraya Utara-Selatan itu telahpun ditawarkan secara terbuka kepada semua syarikat-syarikat awam yang berdaftar melalui iklan akhbar tempatan yang disiarkan pada 24hb Februari, 1986 dalam dua bahasa iaitu Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Hasil dari penyiaran iklan ini sebanyak 138 syarikat tempatan yang berminat telahpun datang untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Selain daripada itu juga, Kementerian Kerjaraya telah mengadakan satu taklimat terbuka pada 7hb Mac, 1986 kepada semua yang berminat bagi memberikan peneranganyang lebih jelas, yang lebih terperinci mengenai tujuan tersebut.

Jadi, walaupun Kementerian Kerjaraya telah mengambil tindakan yang perlu untuk memaklumkan perkara itu kepada rakyat jelata, ada sahaja pihak-pihak yang tertentu yang ingin mengambil kesempatan untuk menimbulkan satu-satu masalah hasil daripada rancangan kita untuk menswastakan Lebuhraya Utara-Selatan ini.

Mengenai dengan masalah-masalah yang di timbulkan oleh senator

Puan Law Jack Yoon juga tentang korek-mengorek jalanraya yang baru sahaja siap, saya inginlah menyatakan di sini bahawa di Dewan yang mulia ini sebentar lagi kita akan membahaskan pindaan Rang Undang-undang Pengangkutan Jalanraya, 1987 yang mana apabila diluluskan akan memberikan peruntukan kepada Kementerian Kerjaraya dan Jabatan Kerjaraya untuk menyelaraskan kerja-kerja korek-mengorek itu dan kita harap apabila kita di berikan kuasa untuk menyelaraskan kerja-kerja itu, apa juga masalah yang timbul terdahulu daripada ini akan dapat kita kurangkan dan akan dapat kita perbaiki.

Jadi, mengenai teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang lain yang telah ditimbulkan atau yang telah tidak sempat saya jawab, sukalah saya menyatakan di sini bahawa Kementerian Kerjaraya mengucapkan ribuan terima kasih di atas teguran-teguran itu dan insya Allah kami di pihak Kementerian akan sentiasa peka kepada teguran-teguran yang telah ditimbulkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini. dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah di kemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan di serahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang di laporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG UNDANG PENGANGKUTAN JALAN**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****5.57 mlm.**

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai pengawalseliaan kenderaan-kenderaan motor dan lalulintas di jalan-jalan dan kenderaan-kenderaan lain yang berkenaan dengaa jalan-jalan dan kenderaan-kenderaan di atasnya; bagi membuat peruntukan mengenai perlindungan pihak ketiga terhadap risiko-risiko yang berbangkit daripada penggunaan kenderaan-kenderaan motor; bagi membuat peruntukan mengenai penyelarasan dan pengawalan cara-cara dan kemudahan-kemudahan bagi pengangkutan; bagi- membuat peruntukan mengenai penyelarasan dan pengawalan cara-cara dan kemudahan-kemudahan bagi pembinaan dan penyesuaian kenderaan-kenderaan motor; dan bagi membuat peruntukan mengenai maksud-maksud yang berkaitan, dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pengangkutan Jalan 1987 merupakan satu Rang Undang-undang baru yang menggantikan Undang-undang asal taitu Ordinan Lalu-lintas Jalan 1958 dalam mengawal pembangunan Industri Pengangkutan Jalan di seluruh negara.

Asas pertimbangan dalam penggubalan Undang-undang baru ini ialah untuk membuat peruntukan mengenai kawalseliaan kenderaan-kenderaan motor dan lalu-lintas di jalan-jalan dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan jalan-jalan dan kenderaan-kenderaan di atasnya bagi membuat peruntukan mengenai perlindungan pihak ketiga terhadap risiko-risiko yang berbangkit dari, penggunaan kenderaan-kenderaan motor bagi membuat peruntukan mengenai penyelarasan dan pengawalan

cara-cara dan kemudahan-kemudahan pengangkutan bagi membuat peruntukan mengenai- penyelarasan dan pengawalan cara-cara dan kemudahan pembinaan dan, penyesuaian kenderaan-kenderaan motor dan bagi membuat peruntukan mengenai maksud-maksud yang berkaitan.

Skop Akta 1987 adalah lebih luas jika dibandingkan dengan Ordinan 1958 yang tidak meliputi cara-cara dan kemudahan-kemudahan pembinaan dan penyesuaian kenderaan-kenderaan motor. Akta 1987 ini juga menghapuskan kelemahan-kelemahan, dengan izin, loopholes yang wujud dalam perundangan yang sedia ada dan membolehkan tindakan-tindakan penguatkuasaan yang berkesan diambil.

Deraf Akta Pengangkutan Jalan yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini telah terlebih dahulu diberi kepada 20 buah persatuan dan organisasi swasta yang ada kaitan dengan pengangkutan jalanraya. Ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan, ulasan-ulasan dan cadangan pihak luar ke atas cadangan mengadakan Akta Pengangkutan Jalan 1987 bagi menggantikan Ordinan Lalulintas Jalan 1958 yang telah berusia hampir 30 tahun.

Sehubungan dengan itu, Kementerian telah menerima maklum balas yang amat memuaskan daripada persatuan-persatuan dan organisasi swasta terhadap cadangan Akta ini. Satu majlis perbincangan yang telah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan telah diadakan untuk membincangkan ulasan dan usul-usul yang dikemukakan. Hasil dari perbincangan yang telah diadakan ini beberapa cadangan yang sesuai telah dimasukkan ke dalam cadangan Akta. Terdapat juga peruntukan yang sedia ada di dalam cadangan Akta dipinda selaras dengan ulasan yang telah diberikan oleh pihak persatuan dan organisasi swasta.

Secara ringkasnya kandungan Akta Pengangkutan Jalan 1987 sebenarnya masih lagi berdasarkan struktur Ordinan lalu-lintas Jalan 1958 kecuali Bahagian V Ordinan yang berkaitan dengan pengawalseliaan pengangkutan perdagangan tidak dimasukkan lagi ke dalam Akta 1987. Pindaan pemansuhan dan penambahan adalah dibuat untuk

membolehkan dasar-dasar dan program baru Kerajaan dilaksanakan untuk mempertingkatkan taraf keselamatan di bidang pengangkutan serta memperbaiki perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi kepada pengguna-pengguna jalan.

Seksyen 10(4) membolehkan pihak Kerajaan melaksanakan dasar mengenai had umur dan kegunaan bagi kenderaan-kenderaan motor melalui urusan pendaftaran sesebuah kenderaan. Jika sesebuah kenderaan melebihi umur yang akan ditetapkan oleh pihak Kerajaan, Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan mempunyai kuasa untuk menolak permohonan bagi pendaftaran kenderaan tersebut.

Seksyen 15(2) hingga (5) membolehkan Jabatan Pengangkutan Jalan mengutip tunggakan pembayaran lesen kenderaan motor, yakni cukai jalan. Ketika ini Jabatan Pengangkutan Jalan hanya mengutip bayaran lesen kenderaan motor bagi tempoh mulai daripada hari apabila pemunya-pemunya kenderaan datang ke jabatan tersebut untuk membarui lesen mereka. Di bawah Akta 1987 mana-mana pemunya yang tidak menggunakan kenderaan-kenderaan mereka di jalanraya, dengan izin, laid up, hendaklah membuat pengisytiharan dalam borang yang akan ditetapkan, iaitu kepada Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan bahawa kenderaan-kenderaan itu telah tidak digunakan lagi. Jika pemunya-pemunya tidak berbuat demikian dan mereka datang ke Jabatan Pengangkutan Jalan kemudiannya untuk membarui lesen kenderaan motor, maka jabatan tersebut akan mengenakan pembayaran mulai daripada tarikh lesen itu tamat dan bukan pada hari pembaruan lesen dibuat. Disamping itu seseorang yang menggunakan suatu kenderaan motor setelah membuat pengisytiharan adalah melakukan kesalahan, apabila sabit, boleh dikenakan denda tidak melebihi \$5,000. Dasar mengutip tunggakan pembayaran lesen kenderaan motor ini ialah untuk mengelakkan kehilangan hasil Kerajaan;

Seksyen 17(1) (e) membolehkan pihak Kerajaan memastikan bahawa kenderaan-kenderaan motor semasa berada dalam keadaan mekanikal yang baik dan keadaan selamat di jalan. Kenderaan-kenderaan yang tidak berada dalam keadaan begitu tidak akan dilesenkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan.

Seksyen 29(1) bertujuan menjamin bahawa pemandu-pemandu sentiasa cekap memandu. Apabila satu lesen memandu tamat tempoh sah lakunya, pemandu diberi 5 tahun dalam Ordinan 1958 untuk membaharui lesennya. Selepas 5 tahun lesen tidak boleh diperbarui dan pemandu berkenaan hendaklah menjalani ujian memandu di pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan. Dalam Akta 1987 tempoh 5 tahun itu telah dipendekkan kepada 3 tahun.

Seksyen 36 membolehkan pihak Kerajaan mengambil salah satu tindakan yang lebih berkesan untuk mencegah penyalahgunaan dadah. Seseorang yang diiktirafkan penagih dadah di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 tidak dibenarkan memegang lesen memandu.

Seksyen 66, perenggan (ii) hingga (pp) membolehkan pihak Kerajaan melaksanakan beberapa dasar baru untuk menjamin keselamatan jalanraya dan mengawalselia perkembangan-perkembangan baru di bidang pengangkutan jalan. Antaranya ialah kuasa-kuasa bagi menetapkan bilangan orang yang boleh dibawa atas mana-mana kenderaan motor, mengawalselia penggunaan apa-apa jenis bahan api yang digunakan bagi maksud menggerakkan kenderaan motor, memperkenalkan penggunaan alat penganalisis nafas serta ujian darah dan kencing pemandu-pemandu kenderaan motor, mengawalselia penarikan pendaftaran kenderaan motor yang tidak sesuai dibaiki oleh kerana kemalangan dahsyat, umur tua atau sebab-gebab lain, mengawalselia perubahan dan penyesuaian kepada kenderaan motor berdaftar, mengawal model kenderaan motor yang diperkenalkan dan mengawalselia kualiti pembuatan dan

pemasangan kenderaan motor dan mekanisma pemanggilan kembali. Butir-butir mengenai prosedur-prosedur dan cara-cara bagi melaksanakan dasar-dasar ini akan termaktb di kaedah-kaedah baru di bawah Akta 1987 dan perundingan akan diadakan dengan pihak swasta, jika perlu, sebelum kaedah-kaedah tersebut diwartakan.

Seksyen 69 membolehkan Menteri Pengangkutan menetapkan had laju nasional yang hendak dipatuhi oleh pemandu-pemandu di seluruh negara ini. Had laju nasional ini yang akan disiarkan dalam Warta dan ditetapkan dengan mengambil kira beberapa faktor, termasuk keselamatan jalanraya, ekonomi pengangkutan, penjimatan bahan api, perkembangan teknologi pembuatan kenderaan motor dan taraf pembinaan jalanraya di negara ini.

Seksyen 74 memberi keutamaan kepada orang-orang cacat di negara ini, yang akan diperuntukkan dengan tempat khas bagi meletakkan kenderaan mereka.

Seksyen 104 mengkehendaki semua pengambil polisi insurans motor memberitahu kepada Syarikat Insurans, secepat mungkin mengenai apa-apa kejadian yang boleh membangkitkan suatu tuntutan di bawah satu polisi. Ini akan mempermudah orang-orang awam khususnya mangsa-mangsa kemalangan jalanraya yang tidak bersalah, membuat tuntutan insurans pihak ketiga bagi kerosakan kenderaan mereka.

Seksyen 125 membolehkan Menteri Peangkutan melalui kaedah-kaedah memberi kuasa kepada mana-mana orang di atas syarat-syarat tertentu untuk menjalankan apa-apa fungsi Pengarah, misalnya pembaharuan lesen kenderaan motor bagi motosikal oleh Jabatan Pos. Dengan langkah ini perkhidmatan pembaharuan lesen akan dapat diperluaskan ke tempat-tempat atau ke kawasan yang lebih jauh, misalnya di luar bandar di mana tidak terdapat Jabatan Peangkutan Jalan.

Seksyen 126 pula membolehkan Menteri Pengangkutan memberi kuasa atau memberi suatu lesen di atas syarat-syarat yang difikirkannya patut kepada mana-mana syarikat, orang atau orang-orang untuk menjalankan apa-apa aktiviti Jabatan Pengangkutan Jalan. Misalnya cadangan untuk pemeriksaan kenderaan motor perdagangan diswastakan kepada sebuah dua syarikat pemasangan kereta.

Dari segi mengetatkan tindakan-tindakan penguatkuasaan serta menghapuskan kelemahan-kelemahan perundangan, dengan izin, loopholes yang wujud sekarang di Ordinan 1958, sebahagian besar hukuman di Akta baru dinaikkan, lebih kurang 2 kali ganda daripada jumlah hukuman Ordinan yang sedia ada. Di samping itu agensi-agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Polis, Jabatan Kerjaraya, Lembaga -Lebuhraya Malaysia, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah diberi kuasa-kuasa tambahan untuk membolehkan mereka menjalankan tugas dengan lebih berkesan.

Di Seksyen 2, tafsiran "jalan" diperluaskan untuk membolehkan agensi-agensi penguatkuasaan mengambil tindakan ke atas orang-orang yang menggunakan mana-mana bahagian jalan terutamanya bahu-bahu jalan. Di Ordinan 1958 apabila agensi-agensi penguatkuasaan mengadakan sekatan jalan, pemandu-pemandu lori yang mengetahui operasi tersebut sentiasa meletakkan kenderaan mereka di bahu jalan dan Pegawai-pegawai Penguatkuasaan tidak dapat memberi saman kepada mereka, oleh kerana mereka tidak berada di jalan. Dengan memasukkan bahu jalan ditafsiran "jalan" di Akta 1987, maka saman boleh dikeluarkan kepada mereka.

Seksyen 17(1)(d) memerlukan seseorang menyelesaikan apa-apa kes kesalahan lalulintas aengan Jabatan Pengangkutan Jalan atau Polis sebelum Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan mengeluarkan atau mem-baharui lesen kenderaan kepada orang tersebut.

Seksyen 55 membolehkan pegawai-pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan yang berpakaian seragam untuk memberhentikan kenderaan motor di. jalanraya apabila diperlukan. Dalam Ordinan 1958, kuasa ini hanya diberi kepada Polis dan warden lalulintas Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur. Kementerian Pengangkutan berpendapat kuasa ini patut diberi juga kepada pegawai.-pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan yang berpakaian seragam oleh kerana apabila mereka membuat rondaan di jalan-jalan, mereka diperlukan memberhentikan kenderaan motor yang disyaki melakukan kesalahan lalulintas untuk mendapatkan maklumat daripada pemandu-pemandu mengenai butir-butir lesen memandu atau kenderaan yang terlibat dan menyemak dokumen-dokumen tersebut sama ada palsu atau sebaliknya.

Seksyen 63(1) memperuntukkan bahawa jika mana-mana orang yang mengawal mana-mana kenderaan motor memindahkan muatannya atau mana-mana bahagiannya bila-bila masa sebelum kenderaan motor itu di-timbang, dia adalah melakukan suatu kesalahan. Di bawah Ordinan 1958, pemindahan muatan sedemikian tidak menjadi kesalahan, dan ini menyulitkan usaha-usaha Pihak Berkuasa untuk mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas pemandu-pemandu yang membawa muatan melebihi had berat dalam muatan yang dibenarkan.

Seksyen 64(3) membolehkan pihak Polis, pegawai-pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan dan pegawai-pegawai Dewan Bandaraya yang diberi

kuasa, untuk merampas sesuatu kenderaan motor yang didapati melanggar Akta ini pada bila-bila masa didapati bahawa kenderaan itu atau pemandunya tidak dapat dikenalpasti dengan secukupnya atau mengelakkan berlakunya lagi kesalahan itu dan kenderaan itu boleh ditahan sehingga apa-apa fee sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta ini bagi pengalihan dan penahanannya dibayar.

Seksyen 78 memberi kuasa kepada pegawai-pegawai penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan dan pihak Polis meletakkan tanda sekatan jalan di jalanraya bagi maksud kerja penguatkuasaan. Di Ordinan 1958, kuasa ini hanya diberi kepada pihak Polis. Jabatan Pengangkutan Jalan memerlukan kuasa ini untuk membolehkan mereka menjalankan penguatkuasaan yang aktif, sama ada berdasarkan rancangan yang telah diatur, di rancangan atau laporan dari orang ramai. Ini kadangkala mengkehendaki tindakan segera dan cara yang tersendiri. Jabatan tersebut bagi mencapai kekesanan.

Seksyen-seksyen 81 dan 82 membolehkan tindakan diambil terhadap seseorang yang menganjurkan atau mengambil bahagian, dalam pertandingan memandu secara haram serta perlucutan hak kenderaan-kenderaan yang digunakan dalam pertandingan tersebut. Kuasa-kuasa ini sangat diperlukan oleh kerana pertandingan secara haram tersebut berselerak di bandar-bandar besar di negara ini dan membahayakan pengguna-pengguna jalanraya yang lain, serta melibatkan perjudian oleh penganjur, peserta-peserta dan orang-orang yang menyaksikan pertandingan tersebut.

Seksyen 85(1)(c) membolehkan Menteri Kerjaraya berkaitan dengan jalan Persekutuan dan Pihak Berkuasa yang sesuai berkaitan dengan

jalan selain daripada jalan Persekutuan mengawalselia apa-apa jenis kerja di dalam, pada, di atas ataupun di bawah apa-apa jalan. Dengan kuasa ini adalah diharapkan kerja-kerja korek-mengorek jalan dapat diselaraskan.

Seksyen 88(2) membolehkan Menteri Kerjaraya membuat kaedah-kaedah bagi menjaga kebersihan jalan-jalan Persekutuan.

Seksyen 114 membolehkan pegawai-pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan mendapatkan maklumat berkaitan dengan kes yang disiasat supaya tindakan-tindakan dapat diambil terhadap teksi-teksi haram, pemajakan lesen perdagangan, bas ekspres haram, bas kilang yang mengambil penumpang orang awam dan kegiatan meminda lesen kenderaan motor, lesen memandu, sijil pendaftaran dan lain-lain dokumen yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan.

Seksyen 120 membolehkan Pegawai-pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan tnengkompau apa-apa kesalahan yang di.tetapkan oleh Menteri Pengangkutan di dalam Akta atau mana-mana Kaedah yang dibuat di bawahnya. Di Ordinan 1958, Pegawai-pegawai Jabatan tersebut hanya boleh mengkompaun kesalahan-kesalahan berkaitan kenderaan-kenderaan perdagangan. Amaun kompaun yang maksima akan dinaikkan dari \$100 di Ordinan 1958 kepada \$300 dalam Akta ini.

Seksyen-seksyen 2, 66 (11) dan 117 membolehkan agensi-agensi. penguatkuasaan mengambil tindakan-tindakan yang lebih giat terhadap lori-lori yang membawa muatan berlebihan. Semua kenderaan yang terlibat akan ditimbang dengan mesin penimbang, termasuk lori kayu balak. Pas memindah hasil keluaran hutan yang diiktirafkan bagi menentukan berat kayu balak di Ordinan 1958 tidak akan dipakai lagi.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan seksyen-seksyen yang dihuraikan tadi merupakan seksyen-seksyen utama yang berbeza daripada peruntukan di Ordinan 1938 yang digubal dengan mengambil kira kepentingan orang ramai. Oleh kerana peruntukan-peruntukan mengenai pengawalseliaan kenderaan-kenderaan perdagangan tidak dimasukkan di Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan sebaliknya adalah termaktub di Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987, maka kedua-dua Akta tersebut akan menggantikan sernua peruntukan yang sedia ada di Ordinan Lalulintas Jalan 1958.

Saya ingin memaklumkan di Dewan ini bahawa Akta Pengangkutan Jalan 1987 akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan tambahan di mana amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah bin Gaddam]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta bagi membuat peruntukan mengenai pengawalseliaan kenderaaa-keaderaan motor dan lalulintas di jalan-jalan dan perkara-perkara lain yang berkenaan dengan jalan-jalan dan kenderaan-kenderaan di atasnya bagi membuat peruntukan mengenai perlindungan pihak ketiga terhadap risiko-risiko yang berbangkit daripada penggunaan kenderaan-kenderaan motor bagi membuat peruntukan mengenai penyelarasan dan pengawalan cara-cara dan kemudahan-kemudahan bagi pengangkutan bagi membuat peruntukan mengenai penyelarasan dan pengawalan cara-cara dan kemudahan-kemudahan bagi pembinaan dan penyesuaian kenderaan-kenderaan motor dan bagi membuat peruntukan mengenai maksud-maksud yang berkaitan dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Sila Yang Berhormat Puan Ainon.

6.18 ptg.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong penuh kepada Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan 1987 - yang baharu sahaja dibentangkan oleh Timbalan Menteri daripada Kementerian Pengangkutan yang sesungguhnya merupakan satu Akta yang ditunggu, dinanti dan sangat diminati serta akan memberi kekesanan yang baik kepada masyarakat ramai khususnya mengenai lalulintas di negara kita ini.

Kita telah mendengar huraian yang panjang lebar. Atas kesedaran daripada Kerajaan melalui Kementerian yang berkenaan mengenai beberapa kelemahan-kelemahan dari segi undang-undang di negara kita ini mengenai perkara pengangkutan jalan ini hingga terdapat berbagai-bagai rungutan, sungutan, rasa tidak puashati, malahan pernah ada mogok, tunjuk perasaaa dan lain-lainnya kerana beberapa kelemahan undang-undang lama kita yang kita dengar tadi sudah 30 tahun tidak pernah diubahsuaikan atau dikaji ataupun dibuat apa-apa pembaharuan.

Lebih-lebih lagi undang-undang ini telah dikaji dengan begitu teliti, disusun begitu rapi merangkumi segala aspek kemudahan, ketenteraman, keselesaan dan juga kelancaran kepada hal ehwal pengangkutan jalan. Telahpun diberikan peluang kepada orang ramai untuk sama-sama mempertikaikannya, memperbincangkannya.

Tadi kita dengan 20 persatuan telah diajak berbincang, bermesyuarat, telah diminta fikirannya, dan telah diambil kira segala pandangannya lalu disusun rapi menjadi satu Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan yang akan kita bahaskan dan yakin akan diluluskan. Setelah undang-undang ini nanti diluluskan, tidaklah ada lagi di antara kita atau puak-puak mana yang suka mencari salah, yang suka menegur, yang suka mencacat, yang suka kerjanya menjadi tukang bangkang kepada semua perkara yang telah dibuat oleh Kerajaan walaupun perkara itu sangat baik, sangat bagus dan banyak memberikan faedah-faedah. Undang-undang yang setebal 178 muka ini, Tuan Yang di-Pertua, mengandungi berbagai-bagai pindaan kemasukan pertambahan baru dan juga merangkumi segala ehwal-ehwal yang terpencil.

Saya ingin menyentuh beberapa perkara daripada Rang Undang-undang ini iaitu satu daripadanya, Tuan Yang di-Pertua, ialah di mukasurat 15 iaitu seksyen 3(2) dan (3) di mana suatu kuasa yang disebut di sini, Ketua Pengarah diberikan kuasa untuk menyelaraskan, untuk membatalkan mengenai perkara-perkara yang dilakukan oleh peringkat negeri mengenai kawasan pendaftaran dan juga kuasa untuk beliau menetapkan pakaian seragam bagi pegawai-pegawai pengangkutan jalan, Tidak dinafikan selama ini, ini juga menjadi satu bahan sungutan kecana tidak selaras antara negeri dengan negeri di dalam negara yang bernama Malaysia ini. Dengan adanya undang-undang ini.

nanti, pindaan ini akan selarastah segala-galanya, Tidak ada lagi yang bertindih-bertindah ataupun tidak ada lagi nanti yang akan bertelagah atau berseliseh kerana sepatutnyalah diselaraskan segala-galanya kerana negara kita sudah maju dan telah mendapat pujian daripada negara luar mengenai sistem jalanraya, pengangkutan yang agak ter- baik di Asia Tenggara ini.

Perkara lain yang ingin saya sentuh dalam masa yang sedikit ini ialah mengikut mukasurat 33 seksyen dalam Akta 17(1)(d) iaitu memberi kuasa kepada Pengarah JPJ menolak atau menggantung atau mem- batalkan lesen kenderaan motor pada pemohon-pemohon yang mempunyai kes-kes kesalahan lalulintas yang mereka belum selesai dengan JPJ atau Polis. Ini sangat wajar kerana sebelumnya, setelah tidak jatuh hukum, setengahnya tidak digantung lesennya, bebas dia, boleh lagi dia melakukan kesalahan kerana biasanya yang melakukan kesalahan ini ialah mereka yang tidak mahu patuh kepada undang-undang dan peraliuran-peraturan. Mereka yang suka menjadi hero jalanraya, mereka yang menjadi jalanraya sebagai hobi tempat dia melepaskan kepuasan hati, membawa kenderaan dengan laju, memotong di sebelah kiri, ataupun kalau ada sesiapa sahaja, antaranya katalah seorang gadis lawa memotong dia, maka naiklah rangsangannya, lalu dia pun pecut laju-laju, potong pula kereta itu tanpa memperdulikani kesela- matan pihak-pihak yang lain, Banyak antara punca-punca kemalangan jalanraya ialah sifat atau sikap pemandu-pemandu yang rakus yang hanya memikirkan dirinya sahaja. Ini salah satu sebab musabab mengapa terlalu banyak kemalangan lalulintas di jalanraya,

Tidak juga dinafi.kan pernah disebut di Dewan ini, ada lori-lori yang ego kerana dia merasakan dia itu besar, dia kebal bertayar 6,

bertayar 8 dan dia gagah menjadi raksasa di atas jalanraya. Kalau ada kereta yang laju yang ingin memotongnya kerana satu-satu sebab, dia akan mengejar kereta itu dan akan menyinggung kereta itu seolah-olah seperti racing di jalanraya dan menyebabkan kemalangan-kemalangan dahsyat. Pernah berlaku di depan mata sayasendiri.

Satu ketika iaitu dari Kuala Lumpur mengarah ke Kuantan, sebuah lori telah mengejar sebuah kereta yang di dalamnya dua kelamin dan empat orang anak. Lori ini telah mengejar kereta berkenaan, kemudian menyinggung lalu kereta itu terhumban ke sebelah jalan lalu bergolek jatuh ke parit dan menyebabkan empat anak dalam kereta itu meninggal dunia. Sedangkan lori yang berkenaan telah lari dengan lajunya. Mujurlah kami ada kereta-kereta di belakang sempat meagambil nombornya dan telah membantu menyelamatkan keadaan itu melaporkan kepada pihak Polis di Temerloh sewaktu sebelum sampai di Kuantan. Ini merupakan kejadian di depan mata. Didapati pemandu yang berkenaan orang muda yang masih lagi gila dengan kemudaanyadan tidak mahu mematuhi hal ehwal jalanraya. Jadi, dengan adanya perkara-perkara barangkali saya rasa dapatlah dicegah perlumbaan yang sia-sia yang membawa kepada maut.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, dalam Akta ini ialah mengenai mukasurat 33, Seksyen 17(1)(e) memberi kuasa lagi kepada Pengarah JPJ - nampaknya banyak kuasa di berikan kepada Pengarah, mungkin Pengarah akan syok, tetapi kuasa jangan diselewengkan kerana ini mandat orang ramai iaitu menolak permohonan mendapatkan lesen kenderaan motor kepada kenderaan-kenderaan yang tidak selamat menggunakan jalanraya. Pada sidang Dewan yang mulia yang lalu, saya pernah juga membangkitkan masalah kereta buruk, kereta-kereta yang sudah teruk yang gearbox tidak boleh dipakai lagi yang apabila

berjalan bunyi innaallah kuatnya meletup-meletup sampai tidak boleh kedengaran kiri kanan, mengeluarkan asap berkepul-kepul seolah-olah seperti satu kebakaran tetapi masih dibenarkan juga berjalan. Ini berlaku pada bas ekspres, lori-lori dan juga mini bas. Syukurlah dengan adanya undang-undang ini nanti, kita harap lagi tiga empat bulan perkara ini tidak ada lagi di jalan-jalanraya. Kerana, Tuan Yang di-Pertua, negara kita ini sudah terdedah sangat dengan air pollution, dengan izin, ataupun pencemaran udara. Asap-asap ini-mengandungi bahan-bahan chemical yang membayaha manusia. Apabila kita sedut, ianya boleh memulakan penyakit kanser. Demikian kata pakar-pakar yang bijak dalam hal ehwal yang demikian. Jadi, baik sangatlah semoga dengan ini. pencemaran udara tidak akan bertambah-tambah teruk atau bertambah buruk di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh di. mukasurat 45 seksyen 28 iaitu mengiktiraf lesen memandu dikeluarkan oleh negara-negara anggota ASEAN. Saya rasa sudah sampai masanya sesuai dengan negara kita ini yang ingin mencari sumber pendapatan dari pelancongan. Kita sudah ada Kementerian Pelancongan sendiri. Biarlah pelancong-pelancong dari negara ASEAN ini rasa seronok datang ke Malaysia sewa kereta, dia boleh enjoy, drive keretanya sendiri kalau ada kawan-kawan, tidak kiralah lelaki atau perempuan, dan dia boleh lihat keindahan negara kita, melalui dia sendiri membawa kereta kerana ada orang seronok membawa keretanya sendiri, mungkin dia kaya, negerinya banyak driver, selalu sahaja di kongkong oleh driver, tetapi sampai di sini dia boleh melancong bersendirian dan lesen yang diiktiraf. Tetapi hendaklah diawasi almaklum negara kita terkenal sebagai sebuah negara yang menjadi transit kepada aldadah. Takut

pula nanti kesempatan yang diberi ini. kerana mereka itu dari. negara jiran, pelancong, maka kita beri pula beberapa kekenduran dari. -segi. pengawasan, tidak juga mustahil kalau ada nanti antara mereka itu yang melancong sambil, saya tidak menuduh, kemungkinan kerana ada berlaku, sambil mereka membuat perniagaan dagangan maut ini. Jadi, elok juga diberikan pengawasan yang rapi di samping kita memberi kelulusan kepada lesen untu negara-negara ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, di mukasurat 45 iaitu seksyen 29(1)(b) dan (c) meletakkan lesen memandu sah sehingga tiga tahun. Ini, Tuan Yang di-Pertua, kita rasa tiga tahun sekarang ini lima tahun, rasanya wajar juga lima tahun itu. Sebabnya setiap orang yang memegang lesen ini sudah diuji, sudah diteliti mereka itu memang wajar. Jadi daripada bersesak membaharui lesen daripada tiga tahun, baiklah lima tahun. Walau macam manapun, mungkin ini telah ditimbang, telah diteliti dari berbagai keadaan yang lain, maka di buat ianya tiga tahun. Tetapi pendapat saya kalau lima tahun pun tidak timbul apa-apa kesukaran malahan mungkin boleh meredakan kesesakan pembaharuan lesen di JPJ di negeri dan di daerah.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh menyambung besok hari.

Puari Ainon binti Ariffin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan, bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 13(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kassitah bin Gaddam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul itu.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

PEMBEKALAN MAKANAN

6.30 ptg

Tuan R. M. Jasni: Tuan Yang di-Pertua, saya lebih dahulu mengucapkan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk menyampaikan ucapan tangguhan yang mengenai pembekalan makanan di sekolah-sekolah berasrama dari juga di kem-kem tentera.

Kelembapan ekonomi dunia menyebabkan ekonomi negara turut terjejas dan pekerjaan untuk rakyat serta peluang-peluang perniagaan semakin berkurangan. Untuk hidup rakyat terpaksa mencari akal dengan apa cara sekalipun asalkan dapat merebut peluang-peluang tersebut.

Para kontraktor pembekal makanan baik di sekolah-sekolah menengah yang berasrama atau kem-kem tentera dan di rumah-rumah sakit, bersaing hebat untuk merebut peluang-peluang tawaran dengan meletakkan harga tawaran di bawah paras minima harga barangan yang terdapat dipasaran di Sabah, terutamanya di daerah-daerah pendalaman. Disebabkan oleh persaingan hebat ini, tawaran harga pembekal semakin turun atau semakin murah dari setahun ke setahun.

Sebagai satu contoh, saya ambil sebuah sekolah menengah berasrama dan sebuah sekolah vokasional di kawasan pendalaman seperti berikut:

S E K O L A H Tahun	M E N E N G A H Harga pembiayaan seorang pelajar
1985	\$3.85 sen
1986	\$3.39 sen

Saya percaya tawaran 1987 telahpun di keluarkan sewaktu saya berangkat. Harga terakhir tidak saya perolehi tetapi saya berharap harga itu tidak terus menurun.

S E K O L A H Tahun	V O K E S I O N A L Harga pembiayaan seorang pelajar
1985	\$4.30 sen
1986	\$4.30 sen
1987	\$3.20 sen

Daripada perbandingan ini, harga tawaran pembekalan makanan bukan sahaja terus menurun tetapi pembekalan di sekolah vokasional nampaknya di akhir-akhir ini. lebih murah daripada di sekolah menengah. Pada faham saya pelajar-pelajar di sekolah vokasional lebih banyak menggunakan tenaga berat yang berhubungan dengan pembelajaran mereka dan lebih cepat membakar kalori yang diperolehi.

Saya memang menyokong apa juga cara bagi menentukan pengambilan atau penerimaan tawaran yang bertujuan untuk menjimatkan perbelanjaan negara, terutamanya di dalam menghadapi keadaan sekarang. Setiap Kementerian diharuskan berjimat cermat mengatur belanjawan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai saya difahamkan dan disokong pula oleh penelitian saya di sekolah-sekolah yang berkenaan yang saya lawati, sungguhpun harga tawaran ke atas pembekalan makanan di sekolah-sekolah berasrama turun dari dianggap murah dan ini dengan sendirinya perbelanjaan negara turut menurun. Tetapi terdengar sungutan para pelajar, mutu makanan yang dibekalkan turut juga menurun. Sebagai logiknya setiap barang baik, mutunya tinggi dan harganya baik. Barang murah, mutunya pun rendah. Kerajaan tentu sedar bahawa harga tawaran yang rendah tidak bererti. harga barangan di pasaran telah menurun lebih murah dari setahun ke setahun. Sebagai kita semua maklum walaupun harga barangan tidak meningkat naik, harganya tetap pada paras yang tinggi, kos pengangkutan, pengendalian juga tidak pernah berubah menjadi lebih murah.

Sebagai saya telah sebut bahawa di samping negara mendapat faedah daripada persaingan yang hebat di kalangan para pembekal makanan di sekolah-sekolah atau di kem-kem pasukan bersenjata kita, kita juga berharap penerimaan tawaran yang lebih murah itu tidak menguntungkan di satu pihak dan merugikan di pihak yang lain, atau dalam erti kata yang lain, para pelajar atau anggota pasukan bersenjata kita yang memerlukan perkhidmatan ini tidak menjadi mangsa keadaan.

Sebagaimana yang telah saksikan di sekolah yang saya lawati, penurunan tawaran yang lebih murah itu para pelajar turut menjadi korban disebabkan mutu pemakanan juga turut menurun. Misalnya hari ini sepatutnya tumis bayam digantikan dengan terung. Telur yang dibekalkan empat kali seminggu terpaksa dikurangkan kepada dua kali seminggu. Hari ini dijadualkan ikan segar atau ikan hidup, kata kami di Sabah, di gantikan pula dengan sardin goreng. Dan begitulah seterusnya cara para pembekal mengimbangkan bekalan tawaran yang terlalu murah.

Saya difahamkan juga harga tawaran kepada pembekal makanan di sekolah vokasional di Wilayah Persekutuan Labuan lebih murah dari sekolah vokasional di pendalaman, dan mutu pernakannya serta quantitynya, dengan izin, juga berkurangan dan lebih teruk daripada apa yang dialami oleh sekolah vokasional di pendalaman. Ini sepatutnya tidak berlaku kerana Wilayah Persekutuan Labuan letaknya di bandar dan tidak ada yang kurang. Tetapi oleh kerana tawaran yang murah menjadikan keadaan demikian.

Saya difahamkan oleh kawan-kawan Ahli Yang Berhormat setelah berbincang mengenai perkara ini, makanan di penjara itu lebih baik keadaannya. Tetapi saya tidak bercadang untuk kita merasakannya. Saya tidak bertujuan menyalahkan mana-mana pihak...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat masa 7½ minit sudah cukup. Sila gulung.

Tuan R. M. Jasni:baik pembekelak ataupun Kerajaan dalam perkara ini. Pembekal dan Kerajaan berhadapan dengan satu keadaan yang tidak di-minta. Tetapi bagi menghadapi keadaan itu saya menca-dangkan Kerajaan haruslah meagkaji satu garis panduan untuk menentu-kan harga yang berpatutan dan paling minima yang boleh diterima bagi sesuatu kawasan atau daerah oleh para Lembaga Tawaran.

Sungguhpun Kerajaan telah meletakkan syarat dalam tiap-tiap tawaran bahawa Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah, ia tidak bererti syarat itu sebagai panduan bagi menentukan harga yang bersesuaian di satu-satu kawasan.

Pendeknya garis panduan bagi menentukan harga tawaran yang maksima dan minima adalah perlu supaya para kontraktor pembekal makanan tidak boleh menggunakan harga murah itu sebagai alasan membekalkan makanan yang rendah mutunya. Harga yang terlalu rendah juga boleh menimbulkan simpati pihak berkuasa sekolah atau kem dan ini akan memaksa penyelesaian akan dibuat melalui budibicara. Dan mangsanya ialah pelajar atau anggota-anggota keselamatan kita.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.....

Tuan R. J. Jasni: Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang-di-Pertua: Satu minit!

Tuan J. M. Jasni: Garis panduan bagi menerima sesuatu tawaran itu dapat menolong Lembaga Tawaran menentukan penerimaan sesuatu tawaran berasaskan sara hidup di satu-satu daerah itu. Harga yang berpatutan boleh menolong pelajar-pelajar dan pasukan bersenjata kita untuk mendapat zat pemakanan yang cukup. Harga yang murah selalunya membawa implikasi negatif. Garis panduan menentukan harga yang bersesuaian ini adalah penting supaya ayam tidak mati, musang tidak kelaparan.

Saya juga ingin mencadangkan supaya Jabatan Pendidikan dan juga Kementerian Pertahanan menetapkan penerimaan pembekalan ke sekolah-sekolah atau ke kem pasukan bersenjata kita dibuat melalui tempahan oleh pihak berkuasa kem atau sekolah. Ini membolehkan atau ini boleh mengelakkan para kontraktor menukar bekalan makanan yang ditetapkan dengan sewenang-wenangnya.

Saya juga bercadang pelajar-pelajar sekolah-sekolah vokasional yang banyak menggunakan tenaga berat di berikan peruntukan yang berpatutan memandangkan mereka memerlukan kalori yang lebih kerana pembelajaran mereka banyak menggunakan tenaga berat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai saya di fahamkan pembekalan kem pasukan bersenjata di pendalaman selalu mengalami keputusan bekalan, dan ini saya cadangkan supaya para kontraktor pembekal makanan haruslah diambil dari daerah itu supaya apa-apa masalah yang dihadapi, para pembekal dapat berhadapan dengan pihak berkuasa sekolah atau kem dan masalah yang mendesak dapat diselesaikan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.42 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:
Tuan yang di-Pertua, saya suka menjawab perkara yang di bangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji R.M. Jasni mengenai bekalan makanan kepada institusi-institusi Kerajaan. Perkara pertama yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat iaitu bahawa harga tender makanan ke sekolah-sekolah, kem-kem tentera dan hospital-hospital telah turun oleh kerana penender-penender menurunkan harga tawaran mereka dan Kerajaan menerima tawaran yang terendah dan seterusnya mutu makanan menurun.

Adalah tidak dinafikan bahawa penender-penender telah menurunkan harga tawaran mereka dan terdapat kes-kes di mana harga yang di terima oleh Kerajaan telah menurun. Misalnya, di Semenanjung

Malaysia adalah lebih kurang 74.5% harga kontrak makanan sekolah-sekolah berasrama pada tahun 1987 adalah di bawah \$3.30 seorang berbanding dengan \$3.70 pada tahun 1985 dan sebelumnya.

Secara keseluruhannya harga yang ditawarkan oleh penender-penender bagi pembekalan makanan kepada Kementerian Pertahanan semakin rendah jika dibandingkan dengan masa-masa yang lampau. Ini adalah kerana persaingan yang hebat di antara penender-penender yang bertambah banyak di bawah sistem tender terbuka yang dijalankan sekarang. Walau bagaimanapun, ini tidak semestinya bererti bahawa mutu makanan yang dibekalkan akan menurun pula. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat maklum Kerajaan tidak terikat untuk menerima harga tawaran yang terendah sekali. Apa yang diamalkan oleh Kerajaan ialah menerima tawaran yang terendah yang boleh diterima, dengan izin, *the lowest acceptable tender not the lowest tender*. Ini bererti bahawa tawaran penender itu tidak akan diterima sekiranya diragui keupayaannya dan mutu makanan yang akan dibekalkannya kelak. Untuk menentukan harga tawaran yang dibuat adalah munasabah perbandingan dengan harga pasaran di buat.

Faktor-faktor lain yang diambilkira ialah prestasi dan pengalaman kontraktor, keadaan kewangan mereka, kemudahan-kemudahan yang mereka miliki seperti bilik sejuk dan lain-lain. Oleh itu, masalah harga yang terlalu murah hingga menjejaskan mutu makanan yang dibekalkan tidak timbul. Tambahan pula, Kerajaan mempunyai kawalan terhadap mutu makanan yang dibekalkan. Kawalan mutu yang dimaksudkan di sini ialah kawalan dari segi, sama ada makanan yang dibekalkan itu memenuhi penentuan yang ditetapkan atau tidak. Penentuan makanan ini adalah termaktub di dalam syarat-syarat kontrak dan ianya adalah di buat supaya menentukan makanan yang dibekalkan mencukupi dari segi mutu dan banyaknya serta mengandungi

cukup zat atau kalori yang diperlukan. Dalam soal ini jika kontraktor berkenaan tidak dapat membekalkan makanan tersebut mengikut penentuan yang ditetapkan. Pihak Kerajaan berhak menolak makanan berkenaan dan pihak kontraktor di kehendaki menggantikan makanan tersebut yang memenuhi penentuan yang saya sebutkan tadi.

Untuk makluman Yang Berhormat, jika kontraktor yang berkenaan gagal membekalkan makanan seperti mana yang ditetapkan di dalam jadual pesanan, umpama jika Kerajaan menetapkan makanan yang perlu dibekalkan pada satu rnsa dan itu ialah ikan bawal misalnya tetapi pihak kontraktor telah tidak dapat membekalkan ikan tersebut sebaliknya telah membekalkan ikan kembung maka mengikut peruntukan kontrak, kontraktor berkenaan boleh dikenakan denda sejumlah perbezaan di antara harga ikan bawal dengan harga ikan kembung yang tersebut.

Kerajaan sentiasa berusaha untuk memperbaiki keadaan ini. Di Kementerian Kesihatan sistem baru bekalan makanan ke hospital-hospital telah dilaksanakan. Mulai tahun 1987 pihak Kementerian Kesihatan telah menawarkan kontrak bekalan makanan mentah ke hospital mengikut kelas iaitu Hospital Besar iaitu jumlah katil yang lebih dari 400, Hospital Kecil jumlah katil yang kurang daripada 400. Bagi Hospital Besar tender diberi kepada kontraktor-kontraktor yang berpengalaman dari segi membekalkan makanan ke hospital-hospital. Manakala bagi hospital-hospital kecil tawaran adalah terbuka kepada mana-mana kontraktor yang berpengalaman dalam membekalkan makanan. Adalah di harapkan cara ini dapat membaiki bekalan makanan ke hospital-hospital.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan saranan Yang Berhormat

supaya diwujudkan satu garis panduan untuk menentukan harga yang paling minima yang boleh diterima untuk satu-satu kawasan atau daerah, pada pandangan Kementerian Kewangan ianya adalah sukar untuk dipraktikkan. Ini adalah kerana sepertimana Yang Berhormat sedia maklum tender yang diuruskan oleh Kerajaan ialah tender secara terbuka. Oleh itu, pihak kontraktor dikehendaki menentukan sendiri harganya berdasarkan kepada kemampuan masing-masing. Di dalam menentukan harga ini soal kemampuan dari segi kewangan, pengalaman, kecekapan pengurusan, sumber bekalan dan keberanian mengambil risiko yang tinggi. adalah merupakan faktor utama yang mempengaruhi penentuan harga. Jadi, memandangkan faktor-faktor di atas tidak sama dimiliki oleh penender-penender yang mungkin berminat maka penentuan harga minima sepertimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat adalah sukar untuk dipraktikkan. Sekiranya ianya diamalkan maka kemungkinan semua penender akan hanya menawarkan kos minima sahaja. Dalam keadaan tersebut adalah sukar untuk menilai tender yang membuat tawaran tersebut. Maksud saya tadi boleh jadi semua penender-penender akan hanya menawarkan harga yang paling murah sekali - yang paling minima. Sebagai amalan, Kementerian ini adalah asas harga yang munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat untuk mewujudkan satu garis panduan bagi menerima tawaran daripada penender-penender tempatan untuk bekalan makanan di kawasan berkenaan, sebenarnya perkara ini adalah merupakan dasar Kerajaan sekarang yang mana jika sesuatu tawaran itu didapati semua keadaannya adalah sama seperti harga dan lain-lain, dengan izin, everthing else being equal maka tawaran berkenaan akan diberi kepada penender-penender tempatan. Contohnya, bagi bekalan makanan untuk Angkatan

Tentera Malaysia (ATM) di kawasan Sabah yang baru selesai diuruskan baru-baru ini, ianya telah ditawarkan kepada penender tempatan negeri tersebut. Saya ingin menegaskan di sini ianya tidak semestinya tetapi jika, dengan izin, everything else being equal barulah kita memberi priority, dengan izin, kepada penender-penender tempatan dan bukan sebaliknya. Sistem pentadbiran kontrak yang diamalkan dalam institusi Kerajaan seperti Kementerian Pertahanan memastikan bahawa supply atau makan adalah berterusan untuk menghadapi keadaan tertentu yang di luar jangkaan. Kementerian Pertahanan menyimpan makanan dalam bentuk packed ration, dengan izin. Oleh yang demikian, soal bekalan makanan terputus adalah tidak timbul.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa mengkaji sistem perolehan yang diamalkan dari semasa ke semasa untuk memastikan bahawa sistem yang dianuti adalah sesuai dengan kehendak masa. Adalah menjadi hasrat Kerajaan supaya sistem yang dianuti mencapai matlamat yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, jika Yang Berhormat pada pengetahuan beliau ada penyelewengan yang berlaku diminta Yang Berhormat memberi laporan bertulis secara diam-diam, ataupun secara lisan tidak perlu diam-diam.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah habis. Silakan.

Melaka sebagai Bandaraya Bersejarah

6.50 ptg.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengucapkan terima kasih kepada Dewan yang mulia ini memberi kesempatan kepada saya menyampaikan satu Ucapan Penungguhan yang berkaitan dengan Perisytiharan Melaka sebagai bandaraya bersejarah.

Saya ingin menguatkan lagi gesaan Kerajaan Negeri Melaka berhubung dengan mengisytiharkan Melaka sebagai Bandaraya Bersejarah. Untuk kepentingan negara dari beberapa aspek yang nyata, pada pendapat saya, Dewan yang mulia ini sudah sampai masanya menerima dan menyetujui serta memberi sokongan yang padu kepada Kerajaan Negeri Melaka supaya perisytiharan itu dilakukan tanpa bertanggung lagi. Jika keadaan sesuai, saya dan rakyat negeri Melaka serta rakyat Malaysia khususnya, bercadang agar perisytiharan itu dilakukan menjelang sambutan Hari Kebangsaan yang ke 30 pada Ogos, 1987 ini..

Pengiktirafan Melaka sebagai bandaraya bersejarah telah begitu nyata, saya penuh yakin, kalangan antarabangsa juga telah menerima dengan semangat yang terbuka. Ini, berdasarkan kepada resolusi Konvensyen Antarabangsa Pengisytiharan Melaka sebagai bandaraya bersejarah yang mana telah berlangsung di Melaka pada 13hb hingga 15hb April, 1987 yang lalu.

Dewan resolusi konvensyen tersebut telah dijelaskan kedudukan dan ketentuan silam keagungan Melaka yang sekali gus pernah tegak sebagai sebuah penempatan, sebuah Kerajaan, sebuah bandar, sebuah pusat perdagangan dan penyebaran Islam, perkembangan kebudayaan dan sebuah empayar, serta sebuah pelabuhan.

Saya juga berharap agar Kerajaan Pusat memberi rangsangan yang sungguh-sungguh di samping menggalakkan Kerajaan Negeri. dan memberi sokongan dan kemudahan ke arah penyediaan perisytiharan Melaka sebagai bandaraya bersejarah. Dalam langkah ke arah perisytiharan tersebut, beberapa pindaan Akta dalam masalah pemuliharaan dan pemugaran yang sedia ada perlu dibuat seperti mana yang disarankan dalam resolusi konvensyen yang telah diadakan itu. Langkah-langkah yang sewajar juga telah di cadangkan supaya Kerajaan Pusat menganggotai, dengan izin, World Heritage Convention 1972 dan mengesyorkan supaya Melaka dimasukkan dalam Senarai Warisan Dunia, dengan izin, World Heritage List.

Konvensyen tersebut juga membuat ketetapan supaya langkah-langkah susulan hendaklah diambil setelah perisytiharan Melaka sebagai bandaraya bersejarah. Pengiktirafan hendaklah dibuat di peringkat kebangsaan dan di antarabangsa dan diberikan taraf warisan budaya dunia, dengan izin, World Cultural Heritage mengikut prinsip-prinsip UNESCO. Adalah juga disarankan bahawa Melaka wajarlah dijadikan sebagai 'makmal' pengkajian sejarah, budaya politik ekonomi dan kemasyarakatan.

Satu usaha yang bersungguh-sungguh untuk langkah pemuliharaan, pengekalan dan penyegaran semula hendaklah diwujudkan dalam bentuk yang lebih praktikal dan berkesan.

Satu suruhanjaya atau badan bertindak perlu ditubuhkan bagi pelaksanaan perisytiharan Melaka sebagai bandaraya bersejarah di mana anggota-anggotanya hendaklah terdiri daripada wakil-wakil Kerajaan Pusat di samping Kerajaan Negeri sendiri..

Tuan Yang di-Pertua, perisytiharan Melaka sebagai bandaraya bersejarah seperti bandar, dengan izin, Venice dan Rome di Italy,

Kyoto dan Lara di Jepun akan menggalakkan lebih banyak lagi usaha kajian dan penyelidikan mengenal Melaka yang mana akan memperkayakan lagi sumber rujukan negara. Di samping itu, ianya juga merupakan suatu tindakan serentak yang amat berkesan bagi industri pelancongan yang boleh membawa pulangan ekonomi kepada negara amnya dan Melaka khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu, saya mengambil kesimpulan bahawa tidak ada sebab kenapa kita mesti melambat-lambatkan usaha yang baik ini berdasarkan prospektif kebudayaan, sejarah dan ciri fizikal yang sedia ada, maka saya berharap perisytiharan Melaka sebagai bandaraya bersejarah akan menjadi kenyataan menjelang 31hb Ogos, 1987. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Persila Yang Berhormat Menteri- untuk menjawab.

6.54 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan [Tuan Haji Awang bin Jabar]: Tuan Yang di-Pertua, Melaka seperti yang diketahui umum, mempunyai sejarah yang gemilang, terutama di zaman keagungan Kerajaan Melayu Melaka di abad ke 15. Melaka ketika itu pernah dianggap sebagai 'Kota Impian' kerana kedudukan dan tarafnya sebagai pusat perdagangan yang paling strategik di rantau Alam Melayu ini.

Selain daripada menjadi pusat perdagangan yang agung di waktu itu, Melaka juga merupakan pusat pertembungan tamadun timur dan barat serta juga menjadi pusat pertemuan kebudayaan dan pemancaran tamadun Melayu. Bahasa Melayu menjadi linguafrance yang penting ketika itu. Melaka juga memainkan peranan yang utama sebagai pusat penyebaran dan pengembangan agama Islam di rantau ini. Berdasarkan

kepada fakta-fakta di atas memang amat wajar Melaka diisytiharkan sebagai bandaraya bersejarah bagi memupuk kesedaran masyarakat mengenai sejarah bangsa dan negara. Melalui kesedaran positif seperti ini akan dapat meniup dan meningkatkan azam kita dalam mengharungi arus pembangunan yang penuh mencabar itu ke arah mewujudkan satu bangsa dan negara yang lebih kuat dan maju serta disegani di seluruh dunia. Dengan perisytiharan itu juga merupakan satu tindakan seranta yang amat berkesan bagi memajukan industri pelancongan di negara ini, khususnya bagi negeri Melaka, yang mana boleh membawa pulangan ekonomi yang besar melalui pertukaran wang asing.

Tuan Yang di-Pertua, Melaka juga sekali lagi mengukir peristiwa bersejarah apabila Yang teramat Mulia Perdana Menteri Malaysia yang pertama melaungkan berita kemerdekaan di padang pahlawan Melaka dalam tahun 1950. Dengan itu amatlah sesuai perisytiharan bandaraya bersejarah itu dapat dibuat pada hari kebangsaan juga.

Sebagai langkah ke arah perisytiharan tersebut, Kementerian ini melalui agensi berkenaan di bawahnya sedang mengkaji dan meneliti akta-akta yang berkaitan bagi maksud untuk memperkemaskannya selaras dengan keperluan perisytiharan tersebut. Di samping itu juga, Kementerian sedang menyediakan satu memorandum untuk dibawa kepada Kabinet bagi membolehkan Malaysia menandatangani 'Convention for the Protection of the World Cultural and Natural Heritage 1972'. Dengan menjadi ahli kepada konvensyen tersebut Melaka boleh didaftarkan dalam senarai warisan dunia (World Heritage List). Selanjutnya usaha-usaha boleh dijalankan bagi mengiktiraf Melaka sebagai bandaraya bersejarah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta diberi taraf warisan budaya dunia (World Cultural

Heritage) mengikut prinsip-prinsip UNESCO sebagaimana yang dikehendaki oleh Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan ciri-ciri istimewa yang terdapat pada Melaka dari segi latar belakang sejarah dan peninggalan warisan budaya bangsa, amatlah wajar Melaka dijadikan pusat serta "makmal" pengkajian sejarah, budaya, politik, ekonomi dan kemasyarakatan.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa bagi melaksanakan cita-cita perinsytiharan Melaka sebagai bandaraya bersejarah memerlukan kesungguhan, perancangan serta penglibatan yang berkesan dari semua pihak yang berkenaan. Semoga usaha-usaha akan dibuat bagi memastikan matlamat tersebut dapat dicapai demi kepentingan sejarah dan warisan budaya negara kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli. Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan, bahawa di bawah peruntukan Peraturan Mesyuarat 15(3), Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya tangguhkan Dewan yang mulia ini hingga jam 3.00 petang hari esok, hari Jumaat, 17hb Julai, 1987.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.

